


PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KANADA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Governor General and Commander-in Chief of Canada, Her Excellency The Right Honourable Louise Arbour dan Perdana Menteri Kanada, The Right Honourable Mark Carney.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Governor General and Commander-in

Chief of Canada, Her Excellency The Right Honourable Louise Arbour dan Perdana Menteri Kanada, The Right Honourable Mark Carney; kerajaan dan juga rakyat Kanada bersempena Hari Kanada.

Pertukaran, kenaikan pangkat pegawai-pegawai kanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Jun. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengumukikan titah berkenan bagi kenaikan pangkat dan seterusnya pelantikan dan pertukaran beberapa pegawai kanan seperti berikut :

Setiausaha Tetap (Wawasan) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengiran Hajah Siti

Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad, ditukar sebagai Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan.

Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, ditukar sebagai Setiausaha Tetap (Wawasan) di JPM.

Timbalan Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad, dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM dan merangkap Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Dato

Paduka Awang Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail, dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Setiausaha Tetap di JPM dan merangkap Pengarah Biro Kawalan Narkotik.

Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Kementerian Pembangunan, Dayang Hajah Aldila binti Haji Mohamad Salleh, ditukar sebagai Timbalan Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM.

Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan, Dr. Dayang Hajah May Fae'zah binti Haji Ahmad Ariffin, ditukar menjadi Setiausaha Tetap di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

>> Muka 3

Berita Utama



USAHA kolektif memastikan perdagangan global terbuka, adil

Muka 5



WADAH zahirkan peranan, dukung aspirasi Negara Zikir

Muka 6



UTB lancar koleksi Setem Kenang-kenangan sempena Ulang Tahun Ke-40

Muka 9



RENCANA

PERKASA ilmu kesempurnaan ibadah wuduk

Muka 20

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Jun. - Bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Ke-80 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sukacita menyeru rakyat dan penduduk negara ini supaya sama-sama mengibarkan bendera di rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan penyalaan lampu-lampu cucul di

bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai Rabu, 1 Julai 2026 sehingga Sabtu, 8 Ogos 2026.

Sehubungan itu, Pengiran-pengiran dan orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan bendera peribadi masing-masing dan bagi orang ramai pula akan mengibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam.



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa berucap pada Majlis Pelancaran Rasmi Projek yang dibiayai oleh UK bertajuk 'Enabling Conditions To Implement Forest-Carbon Market In Brunei Darussalam' pada Selasa, 26 Mei 2026 yang berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Bismillaahir Rahmanir Raheem,
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Selamat Pagi.

PERTAMA sekali, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Hal Ehwal Luar Negeri, Komanwel & Pembangunan United Kingdom (UK) kerana menyokong projek bertajuk 'Enabling

Pasaran karbon hutan pacu pembangunan mampan dan ekonomi hijau negara

Conditions To Implement Forest-Carbon Market In Brunei Darussalam'. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan saya kepada semua agensi-agensi berkaitan, pihak berkepentingan dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis hari ini.

Majlis hari ini menandakan satu pencapaian penting dalam usaha berterusan Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk memperkukuhkan tindakan iklim, pemuliharaan hutan dan pembangunan mampan melalui penerokaan peluang pasaran karbon hutan berintegriti tinggi.

NBD berbesar hati diiktiraf sebagai negara 'High Forest Cover', 'Low Deforestation', dengan hutan tropika yang luas yang terus memberikan manfaat alam sekitar, sosial dan ekonomi yang ketara. Hutan kita memainkan peranan penting dalam pemuliharaan biodiversiti, daya tahan iklim, pengawalan air dan penyimpanan karbon, termasuk dalam ekosistem paya gambut dan bakau.

Aset semula jadi ini adalah penting untuk keutamaan pembangunan NBD dan secara langsung menyokong komitmen negara di bawah Dasar Perhutanan NBD, Perjanjian Paris, Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Brunei (BNCCP) dan Wawasan Brunei 2035 khususnya berkaitan dengan kelestarian alam sekitar dan kepelbagaian ekonomi yang mampan.

Selaras dengan hala tuju dasar negara tersebut, kerajaan NBD sedang meneroka peluang untuk menyertai mekanisme karbon hutan melalui pendekatan bidang kuasa di bawah rangka kerja Architecture for REDD+ Transactions - The REDD+ Environmental Excellence Standard (ART-TREES) yang dianggap sesuai bagi negara-negara Tutupan Hutan Tinggi, Penurunan Deforestasi Rendah (High Forest Cover, Low

Deforestation) seperti NBD.

Apa yang penting, kerajaan NBD melihat pembangunan kesiapsiagaan pasaran karbon hutan sebagai sebahagian daripada hala tuju dasar kebangsaan yang lebih luas di bawah strategi perhutanan negara dan pemuliharaan biodiversiti, BNCCP serta Wawasan Brunei 2035. Inisiatif ini akan menyokong usaha berterusan ke arah mempertingkatkan pengurusan hutan secara mampan, memperkukuhkan tadbir urus iklim dan memajukan ekonomi yang berdaya tahan serta pelbagai.

Seperti yang saya fahami, laporan oleh ERM menonjolkan cadangan dasar dan peta hala tuju strategik untuk menyokong potensi pelaksanaan rangka kerja ART-TREES oleh NBD. Memandang ke hadapan, jelas bahawa penyertaan dalam mekanisme karbon hutan yang berintegriti tinggi memerlukan kesediaan negara yang kukuh.

Ini termasuk rangka dasar yang mantap, pengukuhan institusi dengan koordinasi teknikal yang berkesan, sistem dan perlindungan menyeluruh; serta pengaturan tadbir urus. Elemen utama termasuk : Tingkat Emisi Rujukan Hutan; Sistem Pemantauan Hutan Kebangsaan; Rangka Kerja Perlindungan dan Daftar Karbon Kebangsaan adalah penting untuk memastikan ketelusan, kredibiliti dan integriti alam sekitar dalam sebarang penyertaan pada masa hadapan.

Usaha-usaha ini adalah tepat pada masanya dan selaras dengan inisiatif kebangsaan yang sedang berjalan di bawah National Forest Resources Inventory dan Brunei National Climate Change Policy, serta akan terus mengukuhkan keupayaan negara untuk pengurusan hutan berasaskan bukti dan tindakan iklim.

Penting untuk ditekankan bahawa

penyertaan dalam pasaran karbon hutan bukan hanya tentang pembiayaan karbon. Lebih penting lagi, ia berkaitan dengan memperkukuh perlindungan hutan jangka panjang, menyokong pemuliharaan biodiversiti, meningkatkan daya ketahanan iklim, dan memastikan pengurusan persekitaran lestari untuk generasi kini dan yang akan datang.

Dalam hal ini, kerjasama dan perkongsian kekal penting. Perjalanan menuju penubuhan sistem karbon-hutan yang dipercayai dan berintegriti tinggi memerlukan pendekatan seluruh kerajaan dan seluruh negara yang melibatkan agensi berkaitan, pakar teknikal, rakan antarabangsa, sektor swasta, akademik dan masyarakat tempatan.

Saya ingin sekali lagi menyampaikan penghargaan kami kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia UK, melalui Pejabat Hal Ehwal Luar Negara, Komanwel & Pembangunan kerana menyokong NBD dalam inisiatif penting ini. Kajian ini memberikan pandangan yang berharga dan panduan strategik yang akan menyokong negara terus melangkah ke hadapan.

Sebagai penutup, saya berharap pelancaran hari ini akan terus mengukuhkan kerjasama, memupuk dialog yang membina dan mendalami pemahaman antara pihak berkepentingan mengenai peluang dan pertimbangan berkaitan pembangunan pasaran karbon hutan di NBD.

Dengan itu, saya berharap awda semua mendapat hasil yang produktif dan bermakna daripada sesi ini. Saya menantikan perbincangan yang bernilai dan berhasil daripada program hari ini.

Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah. Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1	RABU	15	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
2	KHAMIS	16	4.38	4.48	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
3	JUMAAT	17	4.38	4.48	6.12	6.37	12.26	3.51	6.36	7.52
4	SABTU	18	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
5	AHAD	19	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
6	ISNIN	20	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
7	SELASA	21	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.52	6.37	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	33 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	32 25 °C	33 25 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 1 JULAI 2026

Memelihara maruah

SEBAGAI manusia yang hidup di muka bumi ini tidak terlepas daripada melakukan dosa. Sidang Pengarang kali ini membawakan para pembaca mengenai dengan aib.

Aib ialah sesuatu yang memalukan, mencacatkan maruah atau mendedahkan kelemahan, keburukan, kesalahan atau dosa seseorang yang jika diketahui orang lain boleh menjatuhkan kehormatan atau nama baiknya. Dalam konteks Islam, aib boleh merangkumi dosa atau maksiat yang dilakukan, kekurangan atau kelemahan peribadi, rahsia yang memalukan, kecacatan atau masalah yang seseorang tidak mahu didedahkan kepada orang lain. Islam amat menitikberatkan pemeliharaan maruah dan melarang keras sebarang perbuatan mencari, mendedahkan atau menyebarkan aib. Umat Islam dituntut untuk saling menutupi kelemahan saudara seagama. Petikan dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan kepada orang beriman di dalam Surah Al-Hujurat, ayat 12, antara lain makna terjemahan-Nya, "Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain". Manakala dalam Surah An-Nur, ayat 19, Allah menegaskan antara lain makna terjemahan-Nya, "Sesungguhnya orang-orang yang suka terhebah tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian)".

Beberapa hadis juga mengingatkan kita mengenai dengan aib yang dilarang dalam Islam seperti ganjaran untuk kita yang menutup aib akan dibalas syurga : Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "Tidaklah seseorang hamba menutup aib hamba yang lain, melainkan Allah tutup aib hamba yang pertama tadi pada hari kiamat". (Hadis Riwayat Muslim). Balasan bagi penyebar aib : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Barang siapa yang mencari-cari aib (atau kelemahan) saudaranya yang Muslim, nescaya Allah akan membuka aibnya walaupun dia berada di dalam rumahnya". (Hadis Riwayat At-Tirmizi).

Secara umum, Islam melarang aib seseorang itu tidak didedahkan tanpa sebab yang dibenarkan oleh syarak. Pada masa yang sama, jika sesuatu kesalahan dilakukan secara terbuka atau pendedahan itu diperlukan untuk menegakkan keadilan, mencegah kemudaratan atau memenuhi tuntutan syarak, ia mempunyai hukum dan pertimbangan yang berbeza.

Sama-samalah kita menjaga diri dan mengelakkan daripada menyebarkan perkara-perkara yang memalukan. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa mendapat berkat daripada Allah jua. – **Ketua Penyuntingan (Fa)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

ISB RAIKAN MURID TAHUN 6 SESI 2026

■ Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Brunei

SALAMBIGAR, Isnin, 29 Jun. - Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) merayakan murid-murid Tahun 6 Sesi 2026 dalam satu majlis khas yang berlangsung baru-baru ini, bagi menandakan tamatnya persekolahan mereka di peringkat rendah serta permulaan perjalanan ke pendidikan menengah.

Majlis tersebut diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad

Aiman.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Pengetua Eksekutif ISB, Dominic Morley.

Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman merupakan antara murid Tahun 6 Sesi 2026.

Seramai 87 orang murid Tahun 6 dari kampus ISB Bandar dan Seria diraikan pada majlis tersebut, sekali gus mengimbas kembali perjalanan pembelajaran mereka di peringkat rendah sebelum melangkah ke Tahun 7 di peringkat menengah ISB.

Majlis yang berlangsung di kampus ISB Bandar itu dimulakan di Teater ISB, di mana murid-murid Tahun 6 dari kedua-dua kampus menerima sijil tamat persekolahan masing-masing. Para murid kemudiannya mempersembahkan nyanyian dan tarian berkumpulan bertajuk 'Take On the World'.

Majlis diteruskan dengan perarakan meraihan para murid dari teater menuju ke Piano Steps, ruang perhimpunan utama di kampus berkenaan, di mana mereka disambut serta diraikan oleh murid-murid Pra-Tadika, Tadika, Reception, dan Tahun 1 hingga Tahun 5.

Ketua Sekolah Rendah ISB, Michael Everett semasa berucap



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke majlis khas merayakan murid-murid Tahun 6 Sesi 2026 Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB). Juga berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

berkata, sekolah rendah berperanan menghapuskan segala halangan yang boleh menjejaskan kejayaan masa depan murid, di samping memastikan setiap murid berpeluang menemukan minat masing-masing, menikmati proses pembelajaran serta menguasai kemahiran asas dengan kukuh.

Beliau berkata, apabila melangkah ke peringkat sekolah menengah, para murid akan mula mengenali potensi diri, mengembangkan bidang yang diminati serta membuat persediaan ke arah alam

pekerjaan dan kerjaya pada masa hadapan.

Menurutnya lagi, generasi kanak-kanak hari ini merupakan pencetus perubahan yang bakal menentukan hala tuju dunia pada masa akan datang, dan keputusan yang mereka buat dalam tempoh sedekad akan datang akan memberi impak besar kepada masyarakat sejabat.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Kampus ISB Seria, Tracey Woodcock, guru-guru Tahun 6 dari kampus ISB Bandar dan Seria serta ibu bapa dan penjaga para murid.



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman berkenan menerima sijil tamat persekolahan.

Yang Di-Pertua MMN terima kunjungan hormat perpisahan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Jun. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, hari ini menerima kunjungan hormat

perpisahan secara berasingan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Ireland Yang Tidak Menetap ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Sarah Ann McGrath dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke NBD, Puan Yang

Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio, di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Kunjungan hormat perpisahan bersama Puan Yang Terutama Sarah Ann McGrath, memberi tumpuan kepada hubungan dua hala antara NBD dan Ireland, khususnya dalam bidang pendidikan dan ekonomi.

Puan Yang Terutama turut menyatakan hasrat untuk mengekalkan kerjasama rapat melalui kerjasama antara MMN dan Parliament of Ireland.

Perbincangan juga menyentuh mengenai perkembangan kerjasama serantau dan antarabangsa seperti penglibatan bersama dalam mesyuarat dan persidangan Inter-Parliamentary Union (IPU).

Sementara itu, kunjungan hormat perpisahan juga diadakan bersama Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio.



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menerima kunjungan hormat perpisahan secara berasingan daripada Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Ireland Yang Tidak Menetap ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke NBD (atas dari kiri).

Perbincangan telah mengimbas kembali kerjasama rapat antara kedua-dua buah negara dan perancangan untuk meningkatkan dialog dan perkongsian amalan terbaik antara MMN dan Congress of the Philippines.

Kedua-dua pihak juga turut menzahirkan komitmen untuk terus mengeratkan hubungan dua hala

antara NBD dan Republik Filipina.

Hadir sama semasa kunjungan-kunjungan hormat tersebut ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraeni binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Huraiah.



Pertukaran, kenaikan pangkat pegawai-pegawai kanan

>> Muka 1

Timbalan Setiausaha Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan, Awang Mohammad Harris bin Brigadier General (B) Dato Paduka Haji Ibrahim, dinaikkan pangkat dan dilantik sebagai Setiausaha Tetap di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Pengarah Urusan, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Datin Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim, dilantik menjadi Setiausaha

Tetap di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri di samping menjalankan tugas sebagai Pengarah Urusan, Perbadanan TAIB.

Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland, Dayangku Mazliza binti Pengiran Haji Mahalee, dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Pengarah Balai Khazanah Islam

Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyerut Awang Haji Ahmad, dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan merangkap Pengarah BKISHHB.

Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman, dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Setiausaha Tetap

di KKBS.

Pemangku Pengarah Perkhidmatan Sosial, KKBS, Dayang Hajah Noridah binti Haji Abdul Hamid, dinaikkan pangkat dan dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Tetap di KKBS.

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu, dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan.

Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, ditukar menjadi Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Kementerian Kewangan dan diperbantukan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di Posbru Sdn.Bhd.

Tarikh kenaikan pangkat dan lantikan serta pertukaran pegawai-pegawai kanan tersebut berkuatkuasa mulai Rabu, 15 Muharam 1448 bersamaan 1 Julai 2026.

NAKHODA PERKASA EKOSISTEM PELANCONGAN DIGITAL

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Jun. — Bagi meningkatkan pengalaman pelancong dalam meneroka, merancang dan menikmati keindahan Negara Brunei Darussalam (NBD), Dynamik Technologies secara rasminya melancarkan Nakhoda, sebuah platform pelancongan digital baharu, sekali gus membantu pengusaha pelancongan memperluaskan capaian digital mereka menjelang Visit Brunei 2027.

Platform tersebut dilancarkan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Nakhoda Compass 2026 yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Turut hadir, Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab serta Pengerusi Lembaga Pengarah Dynamik Technologies, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri

bin Haji Mohammad Yusof.

Ketua Pegawai Eksekutif Interim Dynamik Technologies, Pengiran Noreen Afiza binti Pengiran Dato Paduka Haji Md. Zain dalam ucapan alu-aluannya berkata, Nakhoda dihasilkan untuk membimbing dan menghubungkan ekosistem pelancongan NBD.

Menurutnya, ia merupakan pengalaman digital menyeluruh yang direka khas oleh Dynamik bagi membolehkan lebih ramai pelancong antarabangsa datang, meneroka dan kembali semula serta memperkenalkan destinasi-destinasi tersembunyi di negara ini.

Antara ciri utama Nakhoda ialah alat perancangan perjalanan berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) yang membantu pengunjung menghasilkan itinerari yang diperibadikan mengikut minat, bajet dan pilihan perjalanan mereka.

Platform ini juga menawarkan ruang penemuan yang memaparkan destinasi, pengalaman dan cadangan tempatan, di samping menghubungkan pelancong dengan komuniti setempat,

pengusaha pelancongan dan perniagaan melalui pengalaman yang dipilih serta kerjasama strategik.

Nakhoda merupakan inovasi hasil pembangunan Dynamik Technologies, iaitu platform pelancongan digital yang dihasilkan di NBD bagi memastikan tempahan, pembayaran serta data penting dan sensitif disimpan sepenuhnya di dalam negara.

Platform tersebut direalisasikan melalui kerjasama antara Jabatan Kemajuan Pelancongan di bawah Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, dengan Dynamik Technologies dilantik sebagai Rakan Teknologi.

Pada awalnya, ia merupakan satu kajian kebolehlaksanaan mengenai data dan pengalaman pelancongan, kini berkembang menjadi sebuah platform praktikal yang menyokong promosi pelancongan yang lebih berkesan, pembangunan produk pelancongan serta penyediaan analisis data bagi industri.

Selain pelancaran platform tersebut, Nakhoda Compass 2026 turut menampilkan perbincangan

mengenai pendigitalan sektor pelancongan, tahap kesiapsiagaan digital dan kerjasama industri.

Para peserta turut mendengar perkongsian daripada Agoda dan Klook mengenai perubahan tingkah laku pelancong, saluran pengedaran digital serta peluang untuk pengusaha pelancongan menembusi pasaran yang lebih luas melalui teknologi.

Satu sesi forum turut diadakan, bertajuk 'Bicara Nakhoda : Building a Digitally Ready Tourism Ecosystem' yang dikendalikan oleh Ketua Perkhidmatan Korporat Dynamik Technologies, Dayang Hajah Siti Rozana binti Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Panel tersebut menampilkan Ketua Pembangunan Perniagaan Dynamik Technologies, Albert Hwong; Pemangku Pengarah Jabatan Kemajuan Pelancongan, Dayang Hajah Salina binti Haji Mohd. Salleh; Country Director at Agoda, Fabian Teja; serta Pengarah Perkongsian Kerajaan dan Dasar Awam (Asia Pasifik) Klook, Fu Wei Fong.

Perbincangan panel memberi tumpuan kepada peranan

kesiapsiagaan digital dalam meningkatkan daya saing industri pelancongan, memperkayakan pengalaman pengunjung serta menyokong pertumbuhan industri.

Selain itu, kepentingan kerjasama antara sektor awam dan swasta turut diketengahkan dalam usaha membina ekosistem pelancongan yang lebih berhubung dan berdaya saing.

Seiring usaha NBD dalam mencapai matlamat pembangunan sektor pelancongan, inisiatif seperti Nakhoda dijangka memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan penggunaan teknologi digital dalam industri, sekali gus membuka lebih banyak peluang kepada pemain industri untuk berhubung dengan pengunjung dan mempromosikan produk serta perkhidmatan mereka menjelang Visit Brunei Year dan seterusnya.

Pelancaran Nakhoda juga menandakan satu lagi langkah penting dalam perjalanan transformasi digital negara, dengan teknologi terus berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri, inovasi dan kepelbagaian ekonomi.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Kementerian Pendidikan.

BERAKAS, Isnin, 29 Jun. — Dalam dunia yang penuh dengan pelbagai pengaruh dan pemikiran, akidah tidak boleh dibiarkan tanpa benteng dan panduan.

Cabaran-cabaran ini menuntut umat Islam untuk lebih berwaspada dalam memelihara kesucian aqidah serta mempertahankan identiti sebagai seorang Muslim.

Oleh itu, usaha memelihara aqidah perlu dilaksanakan secara berterusan.

Demikian ditekankan oleh

Pensyarah Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Dayang Seri Ramizah binti Matussin semasa menyampaikan Ceramah Khas selaku penceramah jemputan pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Kementerian Pendidikan, dikendalikan melalui Bahagian Perhubungan Antarabangsa, Urus Setia Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan dan Unit Audit Dalaman, bertempat di Dewan Utama, Kementerian Pendidikan, di sini.

Pengukuhan akidah perlu dilaksanakan secara berterusan

Menurutnya, usaha-usaha tersebut antaranya adalah dengan mempertahankan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah, daripada fahaman - fahaman yang menyeleweng; menjauhkan diri daripada pengaruh yang boleh melemahkan iman dan nilai-nilai Islam; berhijrah kepada kehidupan yang lebih berteraskan syariat serta menghadapi cabaran dunia moden dan digital dengan bijaksana tanpa mengorbankan prinsip-prinsip agama.

Namun demikian jelas beliau, mempertahankan akidah bukanlah semata-mata tugas para ulama, imam atau guru agama, ia merupakan amanah setiap individu Muslim, bermula dari rumah, masyarakat hinggalah ke institusi pendidikan.

"Kerana pendidikanlah benteng pertama dan paling teguh dalam memelihara akidah sesebuah bangsa. Oleh sebab itu, para pendidik mempunyai peranan dan amanah yang sangat besar sebagai agen pembentukan generasi masa hadapan. Di samping bertujuan melahirkan individu yang cemerlang dalam akademik, pendidikan juga membentuk insan yang kukuh

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

akidah dan tinggi akhlak," tambahnya semasa menyampaikan Ceramah Khas bertajuk 'Hijrah Penyelamat Akidah : Memperkukuh Generasi Rabbani' bersempena tema Sambutan Ilal Hijrah Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 1448H / 2026 Masihi iaitu 'Hijrah Penyelamat Akidah'.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis juga antara lain bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan penghayatan terhadap pengajaran serta hikmah di sebalik peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagai panduan dalam memperkukuh jati diri dan mencapai kecemerlangan secara berterusan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian



CERAMAH khas disampaikan oleh Dr. Dayang Seri Ramizah binti Matussin.

Tinggi), Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei, Pemangku Rektor, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

USAHA KOLEKTIF MEMASTIKAN PERDAGANGAN GLOBAL TERBUKA, ADIL

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri menghadiri The 10th Commission Meeting of The Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP) dan Mesyuarat Menteri-Menteri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Jun. - Menteri Penyelaras bagi Dasar-dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin telah menghadiri

The 10th Commission Meeting of The Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP) dan Mesyuarat Menteri-Menteri yang diadakan secara maya baru-baru ini.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Industri dan Perdagangan Republik Sosialis Viet Nam, His Excellency Nguyen Sinh Tan, dan dihadiri oleh Menteri-Menteri CPTPP dan Perwakilan daripada Australia, Negara Brunei Darussalam (NBD), Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Republik Singapura, United Kingdom dan Republik Sosialis Viet Nam.

Pada mesyuarat tersebut, para menteri mengesahkan komitmen kolektif mereka terhadap perdagangan global yang terbuka dan adil, persekitaran, dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sebagai terasnya.

Menteri-menteri mengalu-alukan kesimpulan penyertaan Costa Rica dan mengambil perhatian tentang

kemajuan baik proses akses Uruguay.

Pada masa yang sama, menteri-menteri juga bersetuju untuk memulakan perbincangan persediaan dengan Emiriah Arab Bersatu (UAE), Republik Filipina dan Republik Indonesia, selaras dengan Prinsip Auckland.

Menteri-menteri seterusnya bersetuju untuk memperdalam kerjasama dalam kemudahan perdagangan dan menggariskan kepentingan memajukan rundingan naik taraf bagi memastikan CPTPP kekal responsif kepada perkembangan global, termasuk pengukuhan perdagangan dan dialog pelaburan dengan ASEAN dan Kesatuan Eropah (EU).

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri mengulangi komitmen NBD untuk perdagangan yang saling menguntungkan dan memastikan CPTPP terus memberikan manfaat ekonomi yang bermakna kepada rakyat.

Yang Berhormat menyatakan sokongan berterusan NBD untuk pengembangan selanjutnya

perjanjian, terutamanya kerana ia akan menyediakan akses pasaran yang lebih luas untuk pengeksport dan pengguna.

Yang Berhormat juga mengambil perhatian tentang proses penyertaan yang berterusan dengan Uruguay dan mengalu-alukan permulaan perbincangan persediaan dengan UAE, Republik Indonesia dan

Republik Filipina.

Semasa mesyuarat tersebut, menteri-menteri secara rasmi mengesahkan Kenyataan Bersama Menteri mengenai Perluasan, Pelaksanaan dan Kerjasama serta Kenyataan Menteri mengenai Keselamatan Tenaga dan Rantaian Bekalan untuk Produk Tenaga Penting dan Produk lain yang terjejas.



THE 10th CPTPP dan Mesyuarat Menteri-Menteri semasa diadakan secara maya.



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Selasa, 30 Jun. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah Sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di Jabatan JPM yang Ke-43 Tahun di Masjid Ash-Shaliheen, di sini.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan surah Yaa Siin serta Doa Khas sempena Hari Ulang Tahun Puja

Doa Kesyukuran sempena Puja Usia DYTM

Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik yang ke-43 tahun.

Hadir selaku jemputan-jemputan khas pada majlis berkenaan ialah Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan daripada JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis Doa Kesyukuran berkenaan adalah sebagai tanda merafakkan syukur dan seterusnya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar melimpahkan kurnia kesihatan, panjang umur dan kesejahteraan Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia dan juga kerabat diraja yang lain.



YANG Berhormat Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran) semasa hadir pada majlis tersebut (atas kiri). Sementara gambar atas, sekitar majlis berkenaan yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

3

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

WADAH ZAHIRKAN PERANAN, DUKUNG ASPIRASI NEGARA ZIKIR



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Jun. - Pendidikan tahfiz bukanlah sekadar usaha menghafaz ayat-ayat suci Al-Quran. Ia adalah pendidikan jiwa, pendidikan akhlak, pendidikan disiplin, pendidikan adab dan pendidikan keinsanan.

Maka seorang hafiz atau hafizah bukan sahaja diharapkan menghafaz Al-Quran tetapi memelihara adab terhadap Al-Quran sebagai pedoman hidup seterusnya mengembangkan manfaatnya kepada umat.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan berucap demikian semasa Majlis Simposium Pendidikan Tahfiz Al-Quran di Negara Brunei Darussalam (NBD) Kali Kedua 2026 Masihi bertempat di Dewan Auditorium Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), di sini.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Menurut Yang Berhormat, sebagai sebuah institusi yang kini menawarkan pengajian peringkat Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat' yang setaraf dengan Higher National Diploma, Institusi Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah mempunyai tanggungjawab ilmiah dan institusi yang semakin besar.

"Institusi bukan sahaja berperanan melahirkan para huffaz, bahkan perlu terus mengembangkan penyelidikan, memperkukuh kaedah pengajaran dan pembelajaran serta menyumbang kepada pembangunan dasar dan amalan terbaik pendidikan tahfiz di negara ini.

"Dalam konteks inilah simposium seperti ini menjadi amat penting. Ia bukan sekadar majlis ilmu, bahkan satu wadah untuk menzahirkan peranan dan sumbangan institut dalam mendukung aspirasi negara sebagai sebuah Negara Zikir yang berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja," jelas Yang Berhormat.

Dalam masa yang sama, tambah Yang Berhormat, pendidikan tahfiz Al-Quran juga hendaklah dilihat dalam kerangka besar pembangunan negara, khususnya ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Maka pendidikan tahfiz bukanlah berada di luar arus pembangunan negara, sebaliknya ia adalah sebahagian daripada pembangunan modal insan negara.

Jelas Yang Berhormat lagi, para huffaz yang dilahirkan hendaklah bukan sahaja kukuh hafazannya

dan baik bacaannya, tetapi juga berilmu, berkemahiran, berakhlak, berdaya fikir, mampu menyesuaikan diri dengan perubahan semasa dan bersedia menyumbang kepada masyarakat serta negara.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan tema simposium iaitu 'Inovasi Di Era Teknologi' ini adalah amat sesuai dengan perkembangan semasa. Dunia pendidikan hari ini terang Yang Berhormat, bergerak pantas dengan penggunaan teknologi digital, aplikasi pembelajaran, data analitik dan Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI).

Ujar Yang Berhormat lagi, dalam pendidikan tahfiz, teknologi boleh membantu banyak perkara seperti pemantauan hafazan, memperkukuh *muraja'ah*, menyediakan bahan pembelajaran interaktif, memudahkan akses kepada rujukan serta membantu guru dan pelajar menilai perkembangan pembelajaran dengan lebih teratur.

"Namun demikian, teknologi hendaklah diletakkan pada tempatnya. Teknologi adalah alat bantu, bukan pengganti kepada guru. Aplikasi boleh membantu *muraja'ah* tetapi tidak boleh menggantikan *talaqqi*, *musyafahah* dan *tasmi*. Kecerdasan Buatan boleh membantu analisis dan penyusunan pembelajaran, tetapi tidak boleh menggantikan keberkatan bimbingan guru, adab menuntut ilmu dan hubungan rohani antara murid dengan Al-Quran.

"Maka sebarang inovasi dalam pendidikan tahfiz hendaklah sentiasa dipandu oleh syarak, ketelitian ilmu dan adab terhadap Kalamullah. Kita tidak menolak teknologi. Bahkan kita perlu mengambil manfaat daripadanya. Tetapi kita juga tidak boleh membiarkan teknologi menentukan arah pendidikan tahfiz tanpa kawalan nilai, tanpa disiplin ilmu dan tanpa bimbingan guru," jelas Yang Berhormat.

Di sinilah letaknya keistimewaan pendidikan tahfiz di NBD. Kita mahu melahirkan huffaz yang bukan sahaja celik teknologi dan berkemahiran abad ke-21 tetapi juga kuat hafazannya, baik bacaannya, beradab, berakhlak dan berpanduan Al-Quran ujar Yang Berhormat.

Maka Yang Berhormat berharap simposium ini dapat memberi perhatian kepada beberapa perkara utama iaitu pertama, kualiti hafazan dan *muraja'ah*. Kejayaan pendidikan tahfiz tidak hanya diukur dengan jumlah juzuk yang berjaya dihafaz, tetapi juga sejauh mana hafazan itu kekal, lancar, tepat bacaannya dan diamalkan dalam kehidupan.

Kedua tambah Yang Berhormat, kompetensi guru tahfiz. Guru tahfiz bukan sahaja perlu mempunyai hafazan dan bacaan yang mantap, tetapi juga perlu dibekalkan dengan kemahiran pedagogi, kemahiran membimbing pelajar, serta keupayaan menggunakan teknologi secara bijaksana.

"Ketiga, penggunaan teknologi dan Kecerdasan Buatan. Perlu dibincangkan apakah bentuk teknologi yang benar-benar sesuai untuk pendidikan tahfiz, apakah batas penggunaannya, bagaimana

menjaga ketepatan bacaan, keselamatan data, kesahihan kandungan dan sebagainya.

"Keempat, pendidikan tahfiz bagi Golongan Berkeperluan Khas. Saya mengambil maklum bahawa usaha pendidikan Al-Quran bagi golongan berkeperluan khas, termasuk melalui penggunaan Al-Quran Braille, telah dan sedang dilaksanakan. Perkara ini perlu terus diperkukuh. Jangan ada golongan yang tercicir daripada peluang mendampingi Al-Quran mengikut kemampuan masing-masing," kongsi Yang Berhormat lagi.

Kelima, hala tuju graduan tahfiz. Para huffaz perlu diberikan laluan pendidikan dan pembangunan diri yang jelas. Mereka inilah yang akan mencorakkan negara dengan menjadi pendidik, penyelidik, imam, pendakwah, pentadbir, para profesional, pemimpin dan sebagainya. Hafazan Al-Quran hendaklah menjadi kekuatan yang memperkayakan sumbangan mereka kepada agama, bangsa dan negara, terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama percaya, simposium ini akan menjadi wadah yang amat berharga kepada para pakar, penyelidik, tenaga pengajar, pelajar dan semua pihak berkepentingan untuk berkumpul, bertukar pandangan dan memperluaskan jaringan kerjasama serta tidak hanya menjadi dokumen ilmiah, tetapi dapat membantu institut, Lembaga dan KHEU dalam merancang pembangunan pendidikan tahfiz yang lebih tersusun, berimpak dan relevan dengan keperluan negara.

Memperkasa metodologi pengajaran, pembelajaran tahfiz



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan bagi sesi pagi (atas). Sementara gambar bawah kanan, sekitar majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Jun. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) menganjurkan Simposium Pendidikan Tahfiz Al-Quran di Negara Brunei Darussalam Kali Kedua 2026 Masihi bertempat di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), pagi tadi.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), para pegawai, pensyarah, guru, kakitangan serta pelajar institut berkenaan.

Acara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dengan Qiraat Riwayat Ad-Duriy daripada Imam Ibnu 'Amru, Surah

Ali 'Imran, ayat 189 hingga 194, yang disampaikan oleh Awang Muhammad Yusuf Haikal bin Mohamad Hashim, siswa Tahun 2 Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat. Manakala inti sari ayat dibacakan oleh Awang Muhammad Nurhidayatullah Al Mu'min bin Awang Rosnann, siswa Tahun 2 daripada program yang sama.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua ITQSHHB, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, diikuti dengan ucapan perasmian oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis juga diserikan dengan tayangan video sebelum diteruskan dengan sesi pembentangan oleh pembentang utama pertama iaitu Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya Dr. Khairul Anuar bin Mohammad. Manakala pembentang utama kedua oleh Penolong Profesor

Kanan Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil.

Sesi pembentangan diteruskan pada sebelah petang secara selari, diikuti sesi soal jawab bersama peserta dan menyaksikan penyampaian sijil penyertaan kepada para pembentang ucapama. Acara diakhiri dengan bacaan doa oleh Pensyarah Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, ITQSHHB, Dr. Sheikh Mutiaa Al-Kabbani Mahmoud.

Manakala pada sebelah petang, diteruskan lagi dengan Majlis Penutup Simposium Pendidikan Tahfiz Al-Quran di Negara Brunei Darussalam Kali Kedua 2026M yang menghimpunkan para peserta, ahli akademik, pensyarah, ahli jawatankuasa kerja dan siswa-siswi serta pelajar-pelajar ITQSHHB dalam usaha memperkukuh pembangunan pendidikan tahfiz di negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar. Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pensyarah Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, ITQSHHB, Dr. Sheikh Mutiaa Al-Kabbani Mahmoud.

Antara pengisian utama majlis ialah pembentangan rumusan simposium oleh Setiausaha Simposium Pendidikan Tahfiz Al-Quran di NBD Kali Kedua, Dr. Dayang Hajah Norasbee binti Haji Mohd. Ali. Rumusan tersebut merangkumi dapatan, cadangan serta hala tuju strategik hasil daripada sesi pembentangan dan perbincangan sepanjang simposium. Ia diharap menjadi

rujukan penting dalam memperkasakan sistem pendidikan tahfiz negara agar terus relevan, berkualiti dan memenuhi keperluan semasa.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta Sesi Selari sebagai penghargaan atas sumbangan idea, penyelidikan serta perkongsian kepakaran yang telah menjayakan simposium ini.

Dengan mengangkat tema 'Pendidikan Tahfiz Al-Quran : Inovasi di Era Teknologi', simposium ini merupakan kesinambungan kejayaan penganturan pertama pada tahun 2024. Ia memberi penekanan kepada pembangunan pendidikan tahfiz yang progresif, inovatif dan selari dengan perkembangan teknologi semasa.

Penganturan kali ini menampilkan format yang lebih komprehensif, melibatkan sesi pembentangan utama pada waktu pagi dan pembentangan secara selari pada sebelah petang, sekali gus membuka peluang kepada lebih banyak kertas kerja untuk dibentangkan. Antara fokus

perbincangan termasuk pendidikan tahfiz, teknologi, pendidikan qiraat serta disiplin ilmu berkaitan.

Simposium ini bertujuan untuk mempromosikan hasil kajian, inovasi serta amalan terbaik dalam pendidikan tahfiz Al-Quran di NBD, di samping menyediakan platform bagi perkongsian ilmu dan pertukaran pandangan dalam kalangan pakar, penyelidik, pendidik serta pelajar.

Selain itu, simposium ini turut berperanan memperkasa metodologi pengajaran dan pembelajaran tahfiz agar lebih sejajar dengan keperluan era digital, serta menggalakkan kolaborasi strategik antara institusi dan pihak berkepentingan dalam pembangunan pendidikan tahfiz, di samping menghimpunkan kertas kerja berkualiti untuk diterbitkan dalam Kandungan Shoutul Huffaz 3 (Jurnal ITQSHHB).

Simposium ini mencerminkan komitmen berterusan ITQSHHB dalam memperkasa pendidikan tahfiz negara dengan pendekatan yang relevan dan responsif terhadap perkembangan teknologi semasa.



MTIC ANJUR SAMBUTAN ILAL HIJRAH, DOA KESYUKURAN



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah dan Doa Kesyukuran Jemaah Haji bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi (atas dan atas kiri).

Pahlawan MTIC, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Turut hadir, Setiausaha Tetap MTIC, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin

MAJLIS tersebut diserikan dengan persembahan dikir.

oleh Imam Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Awang Haji Mohammad Aduka bin Haji Abdul, diikuti dengan Ceramah Khas sempena Sambutan Ilal Hijrah bertajuk 'Hijrah Penyelamat Akidah' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis tahun ini yang dikelolakan oleh Jabatan Kajicua Brunei Darussalam (BDMD) merupakan antara aktiviti tahunan keagamaan MTIC yang bertujuan untuk memperingati dan memeriahkan Sambutan Ilal Hijrah 1448, di samping mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga kementerian dan agensi di bawahnya.

Majlis turut diadakan bagi meraikan kepulangan pegawai dan kakitangan yang telah kembali ke



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang.

tanah air setelah menunaikan ibadah haji bagi musim haji tahun ini, serta sebagai tanda kesyukuran atas kesempatan untuk menunaikan Rukun Islam kelima tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Jun. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di



Peka terhadap perubahan, sentiasa responsif, adaptif



SETIAUSAHA Tetap, Urustadbir Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri semasa sesi bergambar ramai bersama para peserta Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMO) Kali Ke-37.

RIMBA, Isnin, 29 Jun. - Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMO) Kali Ke-37 bermula hari ini dengan majlis perasmian yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap, Urustadbir Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman; Pengarah

Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Dr. Dayang Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh, serta pegawai-pegawai dari kedua-dua jabatan tersebut.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh tetamu kehormat, di mana beliau turut mengucapkan tahniah kepada 23 peserta yang terpilih menyertai program tersebut.

Beliau juga menekankan peranan penting pegawai pengurusan pertengahan dalam menyelaraskan visi, misi dan

strategi organisasi di samping berupaya menganalisis, menyelesaikan masalah serta menghasilkan alternatif dan penyelesaian yang inovatif bagi mengatasi halangan dan cabaran dalam penyampaian perkhidmatan kepada orang awam.

Awang Ajman juga turut mengetengahkan akan pentingnya untuk melihat gambaran besar hala tuju strategik negara dan menghubungkannya dengan tugas haraian serta hasil projek, selain keupayaan untuk menghubungkan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

visi jangka panjang dengan pelaksanaan di lapangan bagi memastikan setiap dasar dan usaha bukan sahaja relevan tetapi benar-benar membawa manfaat kepada rakyat dan menyumbang kepada kecemerlangan negara.

Pemimpin pertengahan juga, tambahnya perlu responsif terhadap perubahan, sentiasa menilai semula rancangan agar kekal relevan, dan berani menyesuaikan pendekatan apabila keadaan memerlukan.

Dalam konteks kepimpinan yang responsif dan adaptif menggariskan tiga pengajaran penting kepada peranan sebagai pemimpin pertengahan iaitu pertama, peka terhadap perubahan serta tidak selesa kepada kedudukan status *quo*; kedua, adaptasi yang tangkas, di mana setiap pendekatan dan keutamaan perlu disesuaikan mengikut keadaan semasa agar organisasi kekal relevan dan berkesan; dan ketiga, impak nyata kepada rakyat, di mana kejayaan sebenar diukur melalui manfaat yang dirasakan dan bukan sekadar tercatat di atas kertas.

"Kepimpinan bukan hanya soal ilmu dan kemahiran, tetapi juga integriti dan akhlak. Pemimpin berwibawa terserlah melalui keteguhan nilai, keberanian

mempertahankan kebenaran, rendah hati menerima pandangan, serta prihatin terhadap kebajikan warga kerja," tegas beliau lagi.

Objektif program adalah untuk membangunkan pengetahuan dan kompetensi kepimpinan warga Perkhidmatan Awam di peringkat pengurusan pertengahan serta melengkapkan mereka dengan kemahiran kepimpinan yang diperlukan untuk memimpin pasukan masing-masing dalam menghadapi cabaran masa hadapan yang tidak menentu.

Program ini juga bertujuan untuk memperkukuh keupayaan pemimpin masa depan agar lebih tangkas dalam perancangan dan pelaksanaan, serta dalam membuat keputusan yang berkesan, bagi memenuhi keperluan orang ramai yang sentiasa berubah, terutamanya dalam era yang banyak perubahan serta gangguan global dan digital yang pesat.

EDPMO merupakan salah satu program di bawah Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

IPA telah diamanahkan untuk mengendalikan program kali ke-37 ini setelah berjaya melaksanakan tiga program EDPMO sebelum ini.

PPDB TERIMA LAWATAN DELEGASI PDRM SARAWAK

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



GADONG, Selasa, 30 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) hari ini menerima lawatan rasmi daripada rombongan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Sarawak yang diketuai oleh Pesuruhjaya Polis Sarawak, Yang Dihormati Datuk Mohamad Zainal bin Haji Abdullah.

Majlis berlangsung di Dewan Bankuet, Mess Pegawai, di sini. Hadir mengalu-alukan ketibaan rombongan ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan

Sulaiman bin Alidin.

Turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris serta pengarah - pengarah, pegawai-pegawai kanan dan anggota PPDB.

Sejurus ketibaan, Pesuruhjaya Polis Sarawak menerima tabik hormat sebelum memeriksa perbarisan kehormatan.



PESURUHJAYA Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin bersama Pesuruhjaya Polis Sarawak, Yang Dihormati Datuk Mohamad Zainal bin Haji Abdullah semasa sesi bergambar ramai (atas). Sementara gambar kiri, Pesuruhjaya Polis Sarawak ketika memeriksa perbarisan kehormatan.

Majlis kemudian diteruskan dengan sesi menandatangani lembaran kenangan dan sesi bergambar ramai.

Rombongan seterusnya mengadakan kunjungan hormat kepada Pesuruhjaya Polis, PPDB di Bilik Pengiran Putera Negara, yang disusuli dengan sesi pertukaran cenderahati sebagai tanda penghargaan serta lambang persahabatan erat antara kedua-dua pasukan polis.

Pada sebelah petang, Mesyuarat Hubungan Dua Hala

diadakan bagi membincangkan pelbagai bidang berkepentingan bersama antara PPDB dan PDRM Kontinjen Sarawak, khususnya dalam memperkukuhkan kerjasama serta perkongsian maklumat berkaitan keselamatan dan jenayah rentas sempadan.

Perbincangan merangkumi dialog risikan strategik, pengemaskinian pegawai perhubungan, kerjasama dalam operasi membanteras jenayah rentas sempadan, penguatan hubungan operasi maritim,

pelaksanaan operasi dan rondaan bersepadu serta latihan bersama.

Lawatan dan perbincangan tersebut mencerminkan komitmen berterusan PPDB dan PDRM dalam memperkukuhkan hubungan kerjasama strategik yang telah lama terjalin.

Ia juga meningkatkan persefahaman serta mengeratkan hubungan profesional antara kedua-dua pasukan demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan serantau terus terpelihara.

Memacu penyelidikan, inovasi dalam memperkasa pembangunan industri mampan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis.

TUNGKU LINK, Isnin, 29 Jun. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) menganjurkan ASEAN Sustainable Ready Industries 5.0: AI, Research and Innovation Summit bersempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2026 (Brunei MYCE 2026), bertempat di Dewan Kuliah 2 (LT2), Kompleks Perpustakaan UTB, di sini.

Sidang kemuncak berkenaan menghimpunkan pembuat dasar, penyelidik dan pengamal industri dari negara-negara ASEAN serta antarabangsa bagi membincangkan peranan Kecerdasan Buatan (AI), penyelidikan dan inovasi dalam memperkasa pembangunan industri yang mampan serta bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar.

Turut hadir ialah Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti

Haji Sulaiman, serta Minister Counselor, wakil kepada Minister Counselor, Representative of the Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary of the People's Republic of China to Brunei Darussalam, His Excellency Mr. Chen Chuan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Teknologi Hijau dan Kelestarian (GreenTeXS), Profesor Madya Dr. Lim Tiong Hoo, sebelum diteruskan dengan ucapan tetamu kehormat.

Dalam ucapannya, Awang Haji Mohammad Salihin menjelaskan bahawa dunia kini sedang melalui perubahan luar biasa yang dipacu oleh AI, sekali gus mengubah cara ilmu dihasilkan, penyelidikan dijalankan dan inovasi diterjemahkan kepada impak sebenar.

Bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), perkembangan ini membuka peluang besar di samping membawa tanggungjawab penting dalam merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035 melalui ekonomi

berasaskan pengetahuan, transformasi digital dan inovasi. Di peringkat serantau, NBD terus menyokong AI sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi, integrasi digital dan daya tahan ASEAN.

Beliau turut menegaskan bahawa pembangunan AI perlu dilaksanakan secara beretika, bertanggungjawab dan inklusif melalui kerjasama erat antara kerajaan, institusi akademik, industri dan masyarakat.

Sistem AI juga perlu dibangunkan berlandaskan prinsip keadilan, ketelusan dan akauntabiliti, disokong oleh piawaian, dasar serta langkah perlindungan yang mampu meningkatkan keyakinan terhadap penggunaan AI secara selamat dan bertanggungjawab.

Menurutnya lagi, kejayaan inovasi AI bergantung kepada data berkualiti dan infrastruktur digital yang kukuh. Penyelidikan pula merupakan asas kepada inovasi, khususnya dalam sektor akuakultur, pertanian, penjagaan kesihatan, tenaga dan kelestarian alam sekitar, dengan penekanan agar hasil penyelidikan diterjemahkan kepada penyelesaian yang memberi manfaat kepada masyarakat dan industri.

Selain itu, pembangunan ekosistem inovasi, termasuk syarikat pemula, inkubator, pemecut, hab teknologi serta pembangunan modal insan, perlu terus diperkasa bagi menyokong keseluruhan kitaran inovasi.

Mengakhiri ucapan, beliau menegaskan bahawa konsep Industri 5.0 memberi penekanan kepada masa depan yang berpusatkan manusia, mampan dan inklusif, di samping mengimbangi inovasi, tanggungjawab, pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Beliau turut menyifatkan pemeteraian dua Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTB dengan Protasco Berhad,

Malaysia serta Beibu Gulf University, Republik Rakyat China sebagai langkah penting dalam memperkukuh kerjasama antara Brunei, ASEAN dan rakan dialog bagi mempercepatkan penyelidikan, inovasi serta memastikan AI memberi manfaat yang berkekalan kepada masyarakat.

Antara pengisian utama sidang kemuncak ialah forum bertajuk 'From AI Research to Commercialisation: Who Is Responsible?' yang membincangkan usaha menterjemahkan hasil penyelidikan kepada aplikasi komersial dan manfaat masyarakat.

Forum berkenaan menghimpunkan wakil daripada National Research and Innovation Agency (BRIN), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Brunei Innovation Lab (BIL) dan Protasco Berhad.

Sidang kemuncak turut menyaksikan pemeteraian dua MoU, iaitu antara UTB dengan Protasco Berhad serta antara UTB dan Beibu Gulf University, yang dijangka memperkukuh kerjasama antarabangsa serta memperluaskan jaringan penyelidikan dan inovasi universiti berkenaan.



Sesi pagi diteruskan dengan ucapata oleh beberapa pakar antarabangsa, manakala sesi petang menampilkan ucapata oleh Eko Purwito Hidayat sebelum diteruskan dengan forum bertajuk 'Is Learning Coding Still Necessary in the Age of AI?' yang mengupas kepentingan kemahiran pengekodan dalam era AI.

Sidang kemuncak diakhiri dengan ucapata oleh Dekan Eksekutif China-ASEAN Information Port Big Data Research Institute, Guangxi University, Profesor Cheng Chen, sebelum majlis penutup.

Penganjuran sidang kemuncak tersebut mencerminkan komitmen berterusan UTB dalam memacu inovasi mampan, memperkukuh kerjasama serantau dan antarabangsa serta menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035 melalui pembangunan ekosistem berteraskan inovasi dan modal insan yang berdaya saing.



WAKIL daripada National Research and Innovation Agency (BRIN), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Brunei Innovation Lab (BIL) dan Protasco Berhad semasa membentangkan pada forum berkenaan.

UTB LANCAR KOLEKSI SETEM KENANG-KENANGAN SEMPENA ULANG TAHUN KE-40



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan melancarkan Sampul Surat Hari Pertama dan Koleksi Setem Kenang-kenangan sempena Ulang Tahun Penubuhan UTB yang Ke-40 (atas). Manakala gambar kiri, keseluruhan koleksi tersebut merakamkan perkembangan UTB sepanjang empat dekad penubuhannya, manakala lima reka bentuk setem tersebut menggambarkan sejarah universiti berkenaan.

Haji Hassan Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Selaku Canselor UTB, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima penganugerahan tersebut pada 30 September 2017 sebagai pengiktirafan terhadap kepimpinan baginda dalam pembangunan negara serta kemajuan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Setem kedua memperingati penganugerahan Ijazah Kehormat Kedoktoran dalam Inovasi Teknologi kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Pada 14 September 2023, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan ijazah tersebut kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah selaku Pro-Canselor UTB sebagai pengiktirafan terhadap kepimpinan DYT dalam Anugerah CIPTA serta sumbangan kepada bidang inovasi dan teknologi.

Setem ketiga pula memaparkan kampus awal Institut Teknologi Brunei (ITB) di Jalan Muara, lokasi penubuhan institusi tersebut pada 16 Januari 1986 dengan pengambilan pertama seramai 59 orang pelajar.

Sementara itu, setem keempat memaparkan kampus UTB di Lebuhraya Tungku yang mula

diduduki pada tahun 1998.

Pada tahun 2016, ITB telah dinamakan semula menjadi UTB susulan peningkatan statusnya sebagai sebuah universiti pada tahun 2008.

Manakala, setem kelima mengetengahkan Anugerah Creative, Innovative Product and Technological Advancement (CIPTA) Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota.

Anugerah CIPTA yang diperkenalkan pada tahun 2005 telah diadakan selama 21 tahun dan memasuki edisi ke-11 pada tahun ini.

Dalam pada itu, Lembaran Mini menampilkan 'UTB Pulse', majalah rasmi institusi UTB yang mula diterbitkan pada tahun 2013 bagi mendokumentasikan berita universiti, pencapaian, penyelidikan, aktiviti pelajar serta kerjasama antarabangsa.

Kini, penerbitan tersebut menjadi sebahagian daripada rekod institusi UTB.

Lembaran berkenaan turut memuatkan edisi khas 'UTB Pulse' sempena ulang tahun ke-40 universiti berkenaan.

Sampul Surat Hari Pertama terdiri daripada sampul yang memaparkan Setem Kenang-kenangan bersama risalah yang menerangkan reka bentuk serta sejarah di sebalik setiap setem.

Koleksi tersebut bertujuan memelihara rekod sejarah UTB untuk alumni, pengumpul setem serta orang ramai.

Sampul Surat Hari Pertama dan Koleksi Setem Kenang-kenangan sempena Ulang Tahun Ke-40 UTB boleh diperoleh melalui PosBru Sdn. Bhd. serta saluran jualan yang telah ditetapkan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TUNGKU LINK, Selasa, 30 Jun. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) melancarkan Sampul Surat Hari Pertama dan Koleksi Setem Kenang-kenangan sempena Ulang Tahun Penubuhan UTB yang Ke-40 dalam majlis yang diadakan di kampus universiti berkenaan, di sini, hari ini.

Pelancaran tersebut disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Haji Ahmad, selaku tetamu kehormat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Tetamu kehormat seterusnya melancarkan koleksi tersebut

sebelum mengadakan lawatan ke pameran yang memaparkan setem kenang-kenangan serta bahan-bahan berkaitan.

Koleksi berkenaan terdiri daripada lima keping setem kenang-kenangan bernilai 20 sen setiap satu, Lembaran Mini (Miniature Sheet) bernilai BND40 bertemakan 'UTB PULSE' serta Sampul Surat Hari Pertama.

Keseluruhan koleksi tersebut merakamkan perkembangan UTB sepanjang empat dekad penubuhannya, manakala lima reka bentuk setem tersebut menggambarkan sejarah universiti berkenaan.

Setem pertama memperingati penganugerahan Ijazah Kehormat Kedoktoran dalam Kejuruteraan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

SA RIPAD raikan Jubli Intan 60 Tahun Peletakan Batu Asas

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa menyempurnakan perasmian Majlis Sambutan Jubli Intan Sempena 60 Tahun Peletakan Batu Asas SA RIPAD.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Jun. - Enam dekad sejak peletakan batu asasnya pada tahun 1966, Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SA RIPAD) terus mencatat pelbagai pencapaian yang membanggakan dalam melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, dan berwawasan ke hadapan.

Sekolah tersebut juga memainkan peranan yang penting dalam memperkukuhkan pendidikan Arab dan Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sebagai tanda kesyukuran atas perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai sepanjang enam dekad penubuhannya, SA RIPAD pada pagi tadi telah mengadakan Majlis Sambutan Jubli Intan sempena 60 Tahun Peletakan Batu Asas SA RIPAD.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, yang seterusnya menyempurnakan perasmian Majlis Sambutan Jubli Intan tersebut.

Majlis yang diadakan di Dewan Utama SA RIPAD itu dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD, diikuti oleh Lagu Rasmi Sekolah serta bacaan ayat-ayat suci Al-Quran. Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Guru Besar SA RIPAD, Pengiran Hasinol Zamri bin Pengiran Haji Piut.

Antara pengisian majlis termasuk tayangan video khas bertajuk 'Menelusuri Sejarah Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD)', pameran pendidikan yang mengetengahkan pelbagai program, inisiatif, inovasi serta pencapaian sekolah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; upacara perasmian Bilik Galeri Raja Isteri Pengiran Anak Damit; serta lawatan ke Pameran Keusahawanan Alumni SUAMPRIPAD.

Penganjuran majlis tersebut merupakan wadah untuk mengenang kembali sejarah penubuhan sekolah, menghargai jasa dan pengorbanan para pendidik, serta meraikan sumbangan warga sekolah dan alumni yang telah memainkan peranan penting dalam mewarnai perjalanan dan perkembangan SA RIPAD sejak ia ditubuhkan.

Di samping itu, majlis ini turut bertujuan untuk mengukuhkan hubungan silaturahim dalam



SUASANA pada majlis tersebut (atas dan bawah).



kalangan warga sekolah dan alumni, di samping menjadi sumber inspirasi kepada generasi pelapis untuk terus memperkasa

kecemerlangan pendidikan ugama dan Arab demi kesinambungan legasi yang telah dibina selama enam dekad.

Mengambil dan Memanfaatkan Barang Terbuang

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

AKTIVITI membersihkan ruang dalam rumah serta persekitaran kawasan luar rumah sering kali dilakukan sebagai usaha menjaga kebersihan tempat kediaman untuk kesejahteraan dan kesihatan penghuninya dan orang lain. Aktiviti pembersihan rumah itu termasuk mengeluarkan barang-barang, peralatan elektrik atau perabot yang rosak dan membuangnya ke tempat pembuangan sampah yang disediakan.

Barang yang dibuang itu menurut pemiliknya sudah rosak dan tidak lagi dikehendakinya. Namun, sebahagian orang melihat bahawa barang terbuang itu masih boleh dimanfaatkan. Oleh itu, timbul persoalan apakah hukum mengambil dan memanfaatkan barang terbuang tersebut menurut syara'? Jika orang yang mengambil barang terbuang itu menjumpai barang berharga di dalamnya, maka adakah ia termasuk dalam kategori barang *luqathah* (barang tercicir) yang masih mempunyai pemilik yang sah, atau adakah ia barang yang tiada pemilik kerana termasuk dalam kategori barang terbuang?

Dalam kitab al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah menyatakan bahawa hak milik seseorang terhadap sesuatu yang dimilikinya tidak terlucut daripada pemilikannya melainkan atas sebab yang sah yang diakui oleh syara'. Namun ada kalanya, pelucutan hak milik seseorang terhadap harta miliknya itu boleh diketahui antaranya melalui perbuatan pemiliknya

yang menunjukkan bahawa dia telah melepaskan hak miliknya terhadap harta tersebut seperti meninggalkan dan membiarkan harta tersebut kerana tidak lagi berhajat kepadanya.

Oleh yang demikian, jika diketahui bahawa pemilik barang secara terang-terangan meninggalkan, melepaskan atau membuang barang miliknya kerana alasan yang disebutkan dan dia tidak lagi mempunyai keinginan untuk memilikinya semula, seperti perbuatan pemilik meletakkan atau membuang perabot ke tempat pembuangan sampah, maka hukumnya adalah harus bagi sesiapa pun untuk mengambilnya dan memanfaatkannya.

Orang yang mengambil itu pula, tidak perlu menghebahkan atau mengklankannya. Ini kerana penghebahan atau pengiklanan hanya akan dibuat bagi mengenal pasti atau mengetahui pemilik asal kepada barang yang hilang atau tercicir supaya dapat dikembalikan kepadanya barang yang hilang tersebut. Adapun jika pemilik barang telah melepaskan barang miliknya secara terang-terangan, maka barang tersebut tidak ada keperluan untuk dikembalikan kepadanya.

Imam Abu Ishaq asy-Syirazi *Rahimahullah* dalam kitabnya at-Tanbih menyebut mengenai keharusan memiliki sesuatu yang dibuang oleh seseorang (pemilik asal) secara terang-terangan kerana sudah tidak lagi berhajat terhadapnya, katanya :

Ertinya : *Dan apa yang dibuang orang kerana (mereka) tidak menginginkannya, atau tanam-tanaman dan buah-buahan yang (gugur) berselerakan dan mereka meninggalkannya (membiarkannya)*

kerana tidak menginginkannya, lalu (seseorang) mengambil sesuatu daripadanya, (maka) dia memilikinya.

Mengenai barang yang secara terang-terangan dibuang oleh pemiliknya ke tempat pembuangan sampah, Imam Abu Ishaq asy-Syirazi *Rahimahullah* pernah ditanya mengenai hukum seorang lelaki yang mengambil kulit bangkai kambing milik orang lain, lalu menyamaknya. Adakah lelaki tersebut dianggap memiliki kulit itu setelah disamak? Imam Abu Ishaq asy-Syirazi *Rahimahullah* menjawab bahawa jika pemiliknya yang asal tidak membuang bangkai kambing tersebut, maka kulit yang telah disamak oleh lelaki tersebut masih menjadi milik kepada pemiliknya yang asal. Namun jika pemilik kambing berkenaan membuang bangkai kambingnya itu ke tempat pembuangan sampah, lalu orang lain mengambil kulitnya dan menyamaknya, maka orang berkenaan memiliki kulit yang telah disamak itu kerana pemilik asal telah melepaskan hak miliknya terhadap kambing tersebut dengan membuangnya ke tempat pembuangan sampah. Imam Abu Ishaq asy-Syirazi *Rahimahullah* menyatakan :

Ertinya : *Adapun jika pemilik kambing membuang (bangkai) kambingnya ke tempat pembuangan sampah, lalu seorang lelaki mengambil kulitnya dan menyamaknya, (maka) dia memilikinya (kulit tersebut), kerana sesungguhnya pemilik (asal) telah melepaskan tangannya (hak miliknya) daripadanya (kambing tersebut).*

Walaupun bagaimanapun, jika dijumpai pada barang terbuang itu terselit di celahnya barang berharga seperti perhiasan, emas atau wang, yang pada kebiasaannya tidak dibuang oleh pemiliknya begitu sahaja dan besar kemungkinan ia dibuang, atau tertinggal, atau terlupa, atau tercicir atau hilang daripada pemiliknya. Dalam hal ini, barang yang dijumpai itu dihukumkan sebagai *luqathah*. Jika dia memungutnya dengan niat untuk memilikinya, maka wajib dihebahkan atau diiklankan selama setahun dengan tujuan untuk mencari pemilik asalnya sebelum dibolehkan untuk memilikinya. Adapun penghebahan atau iklan tersebut lebih utama ditujukan kepada orang yang melazimi atau yang kerap membuang sampah di tempat pembuangan tersebut kerana harta yang tertinggal atau tercicir tanpa sengaja itu kemungkinan pemiliknya adalah di kalangan mereka yang pernah atau kerap ke tempat itu.

Asy-Syaikh al-Bujairimi *Rahimahullah*

WALAU bagaimanapun, jika dijumpai pada barang terbuang itu terselit di celahnya barang berharga seperti perhiasan, emas atau wang, yang pada kebiasaannya tidak dibuang oleh pemiliknya begitu sahaja dan besar kemungkinan ia dibuang tanpa sengaja, atau tertinggal, atau terlupa, atau tercicir atau hilang daripada pemiliknya. Dalam hal ini, barang yang dijumpai itu dihukumkan sebagai *luqathah*. Jika dia memungutnya dengan niat untuk memilikinya, maka wajib dihebahkan atau diiklankan selama setahun dengan tujuan untuk mencari pemilik asalnya sebelum dibolehkan untuk memilikinya. Adapun penghebahan atau iklan tersebut lebih utama ditujukan kepada orang yang melazimi atau yang kerap membuang sampah di tempat pembuangan tersebut kerana harta yang tertinggal atau tercicir tanpa sengaja itu kemungkinan pemiliknya adalah di kalangan mereka yang pernah atau kerap ke tempat itu.

منوجو كرىضائن الله
MENUJU KEREDAAAN ALLAH
كلولان قوسه دعوه اسلاميه

HIJRAH demi kebaikan bermaksud berubah ke arah yang lebih baik sama ada dari segi akhlak, ibadah, cara hidup, pemikiran, atau persekitaran. Dalam konteks Islam, hijrah bukan sekadar berpindah tempat, tetapi meninggalkan perkara yang menjauhkan diri daripada Allah dan berusaha menuju kehidupan yang lebih diredai-Nya.

Antara contoh hijrah demi kebaikan meninggalkan tabiat buruk dan menggantikannya dengan amalan baik, memperbaiki sembahyang dan hubungan dengan keluarga, memilih pergaulan yang membawa manfaat, belajar ilmu agama dan mengamalkannya sedikit demi sedikit, menjaga hati daripada iri, marah, dan hasad.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 11 yang mafhumnya :

Sesungguhnya Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehingga mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri.

Ayat ini menegaskan bahawa perubahan dalam kehidupan seseorang atau sesuatu masyarakat bermula daripada usaha dan kesedaran diri mereka sendiri. Allah memberikan manusia akal, kemampuan dan pilihan untuk berusaha ke arah kebaikan ataupun keburukan. Jika seseorang ingin memiliki kehidupan yang lebih baik, maka dia perlu berusaha memperbaiki sikap, amalan, pemikiran dan akhlaknya.

Kejayaan, keamanan dan keberkatan tidak datang hanya dengan berharap atau berdoa semata-mata tanpa usaha. Sebaliknya, manusia perlu meningkatkan ilmu dan amal, meninggalkan sifat malas dan negatif, memperbaiki hubungan dengan Allah dan sesama manusia, serta berusaha melakukan perubahan yang positif.

Oleh demikian, jangan pernah berputus

asa untuk berubah kepada kebaikan. Walaupun seseorang pernah melakukan kesalahan, dia masih boleh berhijrah dan berubah menjadi lebih baik dengan taubat dan usaha yang berterusan. Allah akan membantu hamba-Nya yang benar-benar ingin berubah ke arah kebaikan.


Dalam Islam, pintu taubat sentiasa terbuka luas selagi seseorang itu masih hidup. Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Sesiapa yang benar-benar menyesal atas kesilapannya dan berusaha meninggalkannya, maka Allah akan menerima taubatnya. Perubahan yang ikhlas bermula dari hati yang ingin kembali kepada jalan yang benar, diikuti dengan usaha yang berterusan untuk memperbaiki diri.

Proses berhijrah ke arah kebaikan bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan kesabaran, kekuatan diri, dan istiqamah. Kadang-kadang seseorang mungkin tergelincir semula, namun itu tidak bermakna dia gagal sepenuhnya. Yang

penting ialah terus bangkit dan tidak berhenti berusaha. Setiap langkah kecil ke arah kebaikan tetap bernilai di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah Subhanahu Wata'ala juga menjanjikan pertolongan kepada hamba-Nya yang benar-benar ingin berubah. Apabila seseorang berusaha mendekatkan diri kepada Allah, meninggalkan perkara yang dilarang, dan memperbanyakkan amalan baik, Allah akan memudahkan jalannya. Hidayah dan kekuatan untuk berubah adalah anugerah yang sangat besar daripada-Nya.

Kesimpulannya, hijrah tidak perlu sempurna serta-merta. Yang penting ialah istiqamah, berubah sedikit demi sedikit tetapi berterusan. Tidak kira seberapa besar kesilapan yang pernah dilakukan, pintu perubahan sentiasa terbuka. Jangan pernah berputus asa untuk menjadi lebih baik. Selagi ada keinginan usaha, dan doa, seseorang itu mampu berhijrah menjadi insan yang diredai Allah.



dalam kitabnya Al-Bujairimi 'ala al-Khatib, iaitu syarah terhadap kitab al-Iqna' fi Hall Alfazh Abi Syuja' karangan Imam asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* menyatakan bahawa orang yang menyelongkar atau mencari-cari di timbunan barang terbuang atau tanah untuk mendapatkan sesuatu, jika apa yang mereka temui itu remeh dan tidak berharga, maka barang tersebut menjadi miliknya. Namun, jika barang tersebut sesuatu yang berharga, maka wajib diumumkan selama setahun kerana ia adalah barang *luqathah*.

Memungut barang *luqathah* merupakan suatu amalan yang dituntut, namun orang yang memungutnya tidak boleh mengambil dan memiliki barang yang dipungutnya itu dengan sesuka hati kerana ia adalah barang amanah atau *wadi'ah*. Malah orang yang memungut barang *luqathah* adalah pemegang amanah.

Daripada penjelasan di atas, dapat difahami bahawa barang yang sengaja dibuang, ditinggalkan atau dibiarkan oleh pemiliknya di tempat pembuangan sampah menunjukkan bahawa pemilik telah melepaskan hak miliknya terhadap barang tersebut. Oleh itu, hukum mengambil atau memanfaatkan barang tersebut adalah harus tanpa menghebahkannya kerana ia bukan barang *luqathah*. Adapun barang berharga yang terselit di celah barang terbuang adalah dihukumkan barang *luqathah*.

Namun perlu diambil perhatian bahawa pemungut barang terbuang perlu beretika dalam menyelongkar barang terbuang di tempat pembuangan sampah seperti tidak menyebabkan sampah berselerak dan tidak mencero bohi privasi sesuatu kawasan.

RPPI CATAT PENINGKATAN 13 PERATUS PADA SUKU PERTAMA 2026

Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

Jumlah Transaksi pada Q1 2026 mengikut Daerah	
Brunei dan Muara	72
Tutong	10
Belaït	6
Temburong	0

5 Mukim dengan Jumlah Transaksi Tertinggi pada Q1 2026	
Sengkurong	19
Kilanas	14
Gadong	12
Lumapas	9
Liang	5
Berakas B	5

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Jun. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi suku pertama tahun 2026.

Indeks tersebut dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di NBD, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI). RPPI mengukur kadar perubahan harga hartanah kediaman persendirian yang dibeli

oleh penduduk dari semasa ke semasa.

Pada suku pertama tahun 2026, RPPI dicatat pada 99.2, menunjukkan peningkatan sebanyak 13 peratus tahun ke tahun berbanding dengan suku pertama tahun 2025 dan peningkatan sebanyak 6.4 peratus berbanding dengan suku keempat tahun 2025.

Berdasarkan data pinjaman/pembiayaan yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 88 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian telah dicatat pada suku pertama tahun 2026.

Ini menunjukkan penurunan


sebanyak 31.3 peratus berbanding dengan suku keempat tahun 2025 dan penurunan sebanyak 14.6 peratus berbanding suku pertama 2025. Pada suku pertama tahun 2026, sebahagian besar transaksi adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* (59.1 peratus), diikuti oleh rumah teres (20.5 peratus), rumah berkembar atau *semi-detached* (18.2 peratus), dan pangsapuri (2.3 peratus). Tiada pembiayaan bagi pembelian tanah dilaporkan pada suku pertama tahun ini.

Harga penengah (*median*) bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman persendirian adalah BND259,000 pada suku pertama tahun 2026. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 3.8 peratus berbanding dengan suku keempat tahun 2025, dan peningkatan sebanyak 17.7 peratus berbanding dengan suku pertama tahun 2025. Harga penengah adalah BND262,750 bagi pembelian rumah berasingan, BND281,500 bagi rumah berkembar, BND225,500 bagi teres, dan BND236,450 bagi pangsapuri.

Dalam pengiraan RPPI, harga penengah adalah lazim digunakan kerana ia memberikan ukuran yang lebih stabil berbanding harga purata dan tidak mudah dipengaruhi oleh harga hartanah yang luar biasa.

Dari segi lokasi, kebanyakan pembelian hartanah persendirian

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q1 2025	Dari Q4 2025
Q1 2026	99.2	13.0%	6.4%



terletak di Daerah Brunei dan Muara (72 hartanah), diikuti oleh Daerah Tutong (10 hartanah), dan Daerah Belaït (6 hartanah) pada suku pertama tahun 2026.

Lima buah Mukim yang merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi pada suku tahun tersebut adalah Mukim Sengkurong, Mukim Kilanas, Mukim Gadong, Mukim Lumapas, Mukim Liang dan Mukim Berakas 'B'.

BDCB ingin mengingatkan bahawa indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja.

Orang ramai dinasihatkan agar tidak bergantung kepada indeks dan statistik ini dalam menilai mana-mana hartanah memandangkan nilai hartanah kediaman persendirian adalah berbeza-beza mengikut lokasi, saiz tanah, keluasan lantai serta faktor-faktor lain yang berkaitan.

Untuk maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman sesawang BDCB www.bdc.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga boleh didapati melalui akaun Instagram BDCB [@centralbank.brunei](https://www.instagram.com/centralbank.brunei).

MINDA PEMBACA

Makanan segera dan risiko terhadap kesihatan

PENGAMBILAN makanan segera pada masa kini semakin menjadi pilihan utama bagi masyarakat yang mempunyai gaya hidup yang sibuk kerana ia mudah didapati, penyediaan yang cepat dan menjimatkan masa. Makanan segera ialah makanan yang telah diproses, separuh masak atau dimasak menggunakan kaedah yang membolehkan penyediaannya dilakukan dengan pantas serta menyediakan pelbagai pilihan menu yang menarik dan menyelerakan. Namun begitu, makanan seperti ini boleh menjejaskan kesihatan jika diambil secara berlebihan dan berterusan.

Makanan segera pada lazimnya

mengandungi bahan seperti gula, garam dan kalori yang tinggi dan kurang kandungan zat makanan yang sihat untuk tubuh badan. Jika pengambilan makanan segera ini kerap diambil, ia boleh membawa kepada penyakit yang berisiko seperti diabetes dan obesiti serta penyakit kronik seperti jantung, darah tinggi dan sebagainya yang boleh menjejaskan kesihatan jika tidak di ambil perhatian.

Selain itu, makanan segera juga mengandungi nutrien yang sangat rendah seperti vitamin, mineral dan sebagainya yang diperlukan oleh tubuh badan kita. Kekurangan nutrien terhadap tubuh badan boleh menjejaskan sistem imun badan dan menyebabkan mudah jatuh sakit serta

kurang bertenaga untuk menjalankan aktiviti harian.

Pengambilan makanan segera secara berlebihan juga memberi kesan terhadap mental dan mempengaruhi emosi, tahap tekanan dan keupayaan seseorang untuk menumpukan perhatian. Ini kerana mengambil makanan segera secara berterusan meningkatkan risiko kemurungan kerana kekurangan nutrien yang penting untuk kesihatan otak dan membuatkan tumpuan dan emosi seseorang itu terganggu.

Secara keseluruhannya, makanan segera menjadikan salah satu kemudahan dalam kehidupan seharian akan tetapi pengambilan yang berlebihan boleh terjerumus kepada

risiko kesihatan yang serius dan menjejaskan kualiti hidup seseorang. Oleh itu, setiap individu perlu mengamalkan pemakanan yang seimbang dan bijak membuat pilihan makanan yang tepat demi menjaga kesihatan yang baik.

Nama: Muhammad Ali Norhadi bin Abdullah Mohammad Noh
No. K/P : 01-116XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Keselamatan Data Peribadi dalam Era Digital'. Tarikh Tutup : 1 Julai 2026
2. 'Hijrah: Mengubah Diri, Mengubah Dunia'. Tarikh Tutup : 8 Julai 2026
3. 'Persekitaran Sihat, Selamat Pengaruhi Kehidupan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 15 Julai 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

BDDLS PACU USAHA TRANSFORMASI KURIKULUM NEGARA



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Sesi Sosialisasi Brunei Darussalam Digital Literacy Standards (BDDLS) di Dewan Mawaddah, Setia Point (atas). Sementara gambar atas kanan, Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Ali Hamdani bin Haji Muhamad Diah ketika berucap.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Jun. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum, dengan kerjasama Australian Council for Educational Research (ACER), mengadakan Sesi Sosialisasi Brunei Darussalam Digital Literacy Standards (BDDLS) di Dewan Mawaddah, Setia Point, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Setiausaha Tetap

(Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Dalam ucapan pembukaannya, Pengarah Jabatan Perkembangan Kurikulum, Awang Ali Hamdani bin Haji Muhamad Diah berkata, Brunei Darussalam Digital Literacy Standards (BDDLS) dibangunkan sebagai satu lagi pencapaian penting dalam usaha transformasi

kurikulum negara.

Bagi julung kalinya, Negara Brunei Darussalam (NBD) mempunyai satu rangka kerja kebangsaan yang komprehensif bagi memperincikan dengan jelas kompetensi literasi digital dan Kecerdasan Buatan (AI) yang dihasratkan untuk dikuasai oleh para pelajar secara berperingkat, bermula dari Tahun 1 hingga Tahun 11.

Menurutnya, piawaian ini mewujudkan satu visi kebangsaan yang dikongsi bersama dalam memperkasa literasi digital, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, Digital Brunei 2030, Pelan Strategik Kementerian Pendidikan serta usaha berterusan ke arah mencapai kecemerlangan pendidikan dan transformasi digital negara.

"Walau bagaimanapun, pembangunan piawaian tersebut hanyalah langkah permulaan. Ukuran sebenar kejayaannya bukan terletak pada rangka kerja itu sendiri, sebaliknya pada sejauh mana ia dapat diterjemahkan kepada amalan bilik darjah yang bermakna, kepimpinan sekolah yang berkesan, serta pengalaman pembelajaran yang memperkaya bagi setiap pelajar. Atas sebab inilah sesi pada hari ini amat

penting.

"Sebagai pemimpin sekolah, setiap daripada awda memainkan peranan yang amat penting dalam merealisasikan wawasan ini. Peranan awda bukan sekadar tertumpu kepada aspek pentadbiran semata-mata. Malah, awda menetapkan hala tuju sekolah, memupuk pembelajaran profesional, menyemarakkan inovasi dalam kalangan guru, serta mewujudkan persekitaran yang membolehkan para pelajar berkembang maju," jelasnya.

Pelaksanaan BDDLS tambahnya, adalah bergantung bukan sahaja kepada dokumen kurikulum atau sumber pembelajaran, bahkan turut memerlukan kepimpinan, komitmen serta keupayaan dalam membimbing komuniti sekolah masing-masing melalui proses transformasi yang amat penting ini.

Beliau turut menjelaskan bahawa sokongan semua amat signifikan dalam membantu para guru mengamalkan pendekatan pedagogi yang inovatif, mengintegrasikan literasi digital merentas bidang pembelajaran, serta memupuk penggunaan teknologi secara selamat, bertanggungjawab dan berkesan dalam proses



pembelajaran harian.

"Dalam pelbagai aspek, awda merupakan pemangkin utama yang akan menghidupkan piawaian ini, dengan menterjemahkannya daripada sekadar satu set piawaian kebangsaan kepada pengalaman pembelajaran yang autentik, sekali gus memperkasa setiap pelajar untuk berjaya dalam dunia yang semakin dipacu oleh teknologi digital," ujarnya.

Acara diteruskan dengan pembentangan bertajuk 'Curricula Reform and its Impact to School and System Leaders' yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, ACER, Lisa Rodgers.

Ini disusuli dengan bengkel bertajuk 'Leading Implementation of Digital Literacy and AI Literacy Across Schools' dikendalikan oleh Regional Tech Lead, Dr. Wagheeh Shukry Hassan, bersama International Tech Lead, Andrew Mannion.

Sesi berkenaan diakhiri dengan penyampaian rumusan serta hala tuju oleh Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Dr. Mohamad Khairul bin Haji Matusin.

Sesi sosialisasi tersebut bertujuan untuk membarigakan kandungan piawaian dan kurikulum baharu serta strategi pelaksanaannya bagi menyokong kesiapsiagaan para pemimpin sekolah dalam pelaksanaan BDDLS nanti.

Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan serta pemimpin-pemimpin sekolah daripada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Sebagai kesinambungan kepada sesi tersebut, Sesi Orientasi BDDLS akan diadakan 30 Jun 2026 dengan melibatkan guru-guru mata pelajaran Business, Art and Technology (BAT) serta ICT bagi peringkat rendah dan menengah dari sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan KHEU.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.pppk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Komited mengukuhkan, menyelaraskan tadbir urus keselamatan makanan

Siaran Akhbar : Autoriti Makanan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Jun. - Selaras dengan komitmen Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA) untuk mengukuhkan dan menyelaraskan tadbir urus keselamatan makanan di peringkat nasional, BDFA akan mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab keselamatan makanan di Daerah Tutong dan Temburong daripada Kementerian Kesihatan, berkuat kuasa pada 1 Julai 2026.

Peralihan ini menandakan satu pencapaian penting dalam pembangunan sistem keselamatan makanan yang lebih bersepadu dan terkoordinasi di

Brunei Darussalam, di samping meningkatkan pengawasan kawal selia dan menyokong misi BDFA untuk memastikan makanan yang selamat dan berkualiti di negara ini.

Dengan pengambilalihan ini, BDFA akan bertanggungjawab ke atas perkhidmatan keselamatan makanan di Daerah Tutong dan Temburong.

Antara tanggungjawab yang akan dilaksanakan termasuklah menjalankan pemeriksaan kebersihan dan keselamatan makanan, aktiviti persampelan makanan, serta pemantauan pematuan.

Di samping itu, BDFA juga akan menyediakan perkhidmatan nasihat dan perundingan mengenai keselamatan makanan, menyiasat aduan dan insiden berkaitan keselamatan makanan, serta menganjurkan program latihan untuk pengendali makanan.

BDFA akan melaksanakan inisiatif kesedaran awam dan pendidikan tentang keselamatan makanan, di samping bekerjasama dengan agensi kerajaan yang berkaitan serta pihak berkepentingan dalam industri makanan untuk mempromosikan amalan makanan yang selamat.

Pelaksanaan ini menyusuli

kejayaan penubuhan Cawangan Pejabat BDFA Kuala Belait dan pemindahan tanggungjawab keselamatan makanan daripada Pejabat Kesihatan Belait kepada BDFA pada 1 April 2026, sekali gus melengkapkan pemindahan semua tanggungjawab keselamatan makanan daripada Kementerian Kesihatan kepada BDFA.

Bagi memudahkan urusan dan pertanyaan daripada orang ramai serta pihak industri, BDFA menyediakan dua saluran perhubungan utama.

Ibu Pejabat BDFA yang terletak di Flat B22, Simpang 32-37, Taman Teknologi Anggerek Desa, Bandar Seri Begawan BB3713, meliputi Daerah Brunei Muara, Tutong dan Temburong.

Orang ramai boleh

menghubungi talian am di +673 2572121 atau e-mel di corporate.relations@bdfa.gov.bn untuk pertanyaan umum.

Bagi urusan berkaitan kebersihan premis makanan, sila hubungi +673 2573645 atau e-mel premise@bdfa.gov.bn, manakala urusan import dan eksport makanan boleh disalurkan melalui talian +673 2572125 atau e-mel import@bdfa.gov.bn dan export@bdfa.gov.bn.

Manakala untuk Daerah Belait, Cawangan Pejabat BDFA Kuala Belait yang terletak di Lot 4642, No. 5, Simpang 137, Jalan Maulana, Kuala Belait KA1931, boleh dihubungi melalui talian am dan premis makanan di +673 3281313 atau +673 3281314, serta e-mel di branch.kb@bdfa.gov.bn dan admin.kb@bdfa.gov.bn.

PROJEK AKCMM PERKUKUH KEUPAYAAN PENGURUSAN GAS RUMAH HIJAU



NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) hadir pada Program Pengenalan Projek AKCMM dan Pembinaan Kapasiti yang berlangsung di UTB.

TUNGKU, Selasa, 30 Jun. – Projek Kerjasama ASEAN-Korea bagi Mitigasi Metana (ASEAN-Korea Cooperation for Methane Mitigation - AKCMM) diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) menerusi Program Pengenalan Projek AKCMM dan Pembinaan Kapasiti yang berlangsung selama dua hari di Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Program berkenaan merupakan usaha memperkukuh keupayaan negara dalam pengukuran, pelaporan dan pengesahan (Measurement, Reporting and Verification – MRV) gas rumah hijau, di samping meningkatkan kerjasama serantau dalam usaha mitigasi metana serta menyokong agenda tindakan perubahan iklim.

Majlis diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor. Dr. Dayang

Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Turut hadir ialah wakil-wakil daripada Global Green Growth Institute (GGGI), Pejabat Perubahan Iklim Brunei (Brunei Climate Change Office - BCCO), agensi-agensi kerajaan, pihak industri, institusi pengajian tinggi serta pakar-pakar perubahan iklim dari dalam dan luar negara.

Program tersebut dianjurkan bersama oleh GGGI, BCCO, UTB dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan sokongan Dana Kerjasama ASEAN-Korea (ASEAN-Korea Cooperation Fund - AKCF).

Dalam ucapan alu-aluannya, Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTB, Profesor Dr. Mohamed Hasnain Isa berkata, kerjasama erat antara penggubal dasar, pihak industri dan penyelidik amat penting dalam

menghadapi cabaran perubahan iklim yang semakin kompleks.

Menurut beliau, usaha memperkukuh sistem pemantauan, pelaporan dan kapasiti teknikal gas rumah hijau akan membantu menghasilkan keputusan yang lebih tepat berasaskan bukti, sekali gus menyokong aspirasi kemampanan NBD.

Projek AKCMM merupakan inisiatif serantau yang dilaksanakan di semua Negara Anggota ASEAN dari tahun 2024 hingga 2027 di bawah Partnership for ASEAN-Republic of Korea Methane Action (PARMA).

Inisiatif tersebut bertujuan meningkatkan keupayaan negara-negara anggota dalam usaha mengurangkan pelepasan metana serta membangunkan sistem MRV gas rumah hijau yang

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

lebih mantap dan berkesan.

Sepanjang program berkenaan, kira-kira 30 peserta yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, ahli akademik, pihak industri dan institusi penyelidikan mengikuti pelbagai sesi perkongsian ilmu dan perbincangan berkaitan pengukuran, pelaporan dan pengesahan gas rumah hijau, pemodelan pelepasan, mitigasi metana, teknologi penangkapan karbon serta teknologi pemantauan terkini.

Sesi teknikal dikendalikan oleh pakar-pakar dari UTB dan UBD yang membincangkan pelbagai topik termasuk teknologi penangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (Carbon Capture, Utilisation and Storage - CCUS), mitigasi pelepasan gas rumah hijau daripada sistem tapak pelupusan sisa, usaha penyahkarbonan sektor tenaga elektrik serta inovasi kejuruteraan dalam teknologi penangkapan karbon.

Selain itu, pakar-pakar antarabangsa daripada GGGI, WeatherPia dan ClimateLab, Seoul National University turut berkongsi kepakaran mengenai sistem MRV metana, ramalan pelepasan, teknologi pemantauan moden serta kesiapsiagaan institusi dalam melaksanakan tindakan perubahan iklim.

Program berkenaan turut menyokong usaha berterusan NBD dalam memperkukuh sistem perakaunan dan pelaporan gas rumah hijau, meningkatkan kesiapsiagaan teknikal bagi memenuhi komitmen pelaporan perubahan iklim serta memperkukuh kerjasama antara kerajaan, institusi akademik dan industri.



UCAPAN alu-aluan Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTB, Profesor Dr. Mohamed Hasnain Isa.

Di samping itu, inisiatif tersebut juga menyumbang ke arah pencapaian matlamat Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BNCCP), Sumbangan Ditentukan di Peringkat Kebangsaan (Nationally Determined Contributions - NDC) serta sasaran pembangunan rendah karbon negara bagi jangka panjang.

Program Pengenalan Projek AKCMM dan Pembinaan Kapasiti akan diteruskan pada 1 Julai dengan beberapa sesi teknikal yang memberi tumpuan kepada cabaran pelaksanaan sistem MRV metana mengikut sektor, teknologi pengukuran metana, pemodelan iklim serta pendekatan bagi menterjemahkan hasil penyelidikan kepada tindakan iklim yang praktikal.

Membentuk generasi bertanggungjawab, berdisiplin

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Jun. - Seramai empat orang pemimpin pengakap dari Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah menyertai Kem Pendidikan Marin Pengakap Laut Sarawak 3.0 sebagai pemerhati.

Program tersebut dianjurkan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia Cawangan Sarawak.

Kontinjen PPNBD diketuai oleh Pesuruhjaya Ibu Pejabat, Bahagian Pengakap Laut PPNBD, Awang Muhammad Hamdanajib bin Haji Domeng.

Kem yang bermula dari 25 hingga 28 Jun 2026 di Piasau Boat Club, Miri, berkenaan telah menghimpunkan seramai 173 peserta Pengakap Laut dari seluruh Malaysia serta kontinjen dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kalimantan, Republik Indonesia.

Sepanjang kem berlangsung, pelbagai program telah dijalankan dengan memberi tumpuan kepada pendidikan marin, pembangunan kepimpinan belia, pemuliharaan alam sekitar serta penguasaan kemahiran maritim.

Majlis perasmian Kem Pendidikan Marin Pengakap Laut Sarawak 3.0 telah disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan

Sarawak, Lee Kim Shin, pada 26 Jun lalu.

Turut hadir ialah Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sarawak, John Lim Boon Beng; Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Ts. Mohd. Hilmi Abu Bakar; serta Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri (Pengakap Laut), Fauziah Pata.

Sementara itu, majlis penangguhan kem pada 28 Jun telah disempurnakan oleh Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak merangkap Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak, Abdul Karim Rahman Hamzah.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Naib Yang Dipertua Majlis Pengakap Negara merangkap Timbalan Yang Dipertua Majlis Pengakap Negeri Sarawak, Dato Mohamad Safri Datuk Abdullah; Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sarawak, John Lim Boon Beng; Naib Yang Dipertua Majlis Pengakap PPNBD, Pg. Dr. Haji Mohammad bin Pg. Haji Damit; Ketua Pesuruhjaya Pengakap PPNBD, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin; serta para pesuruhjaya PPNBD.

Dalam Majlis Persada Samudera yang berlangsung pada sebelah

malam, seramai 15 ahli Majlis Pengakap Kebangsaan dan pesuruhjaya PPNBD telah menerima Pingat Peringatan 111 Tahun Persekutuan Pengakap Malaysia Cawangan Sarawak.

Penerimaan pingat tersebut diketuai oleh Yang Dipertua PPNBD, ACP (B) Awang Haji Abdul Murad bin Haji Abdul Hadi.

Sepanjang kem, para peserta menyertai pelbagai aktiviti termasuk sesi pengenalan Pengakap Laut, latihan ikatan dan simpulan, lawatan ke Terminal Marine MPA Pulau Melayu, serta pendedahan kepada

aktiviti kayak dan perahu layar.

Dari aspek pembelajaran, peserta turut didedahkan dengan sejarah, tradisi dan identiti Pengakap Laut sebelum mengikuti sesi Arahan Nakhoda yang menekankan aspek keselamatan di air, prosedur kecemasan serta disiplin semasa menjalankan aktiviti marin.

Penyertaan PPNBD sebagai pemerhati dalam program berkenaan menjadi platform penting dalam memperkukuhkan hubungan pengakap serantau, di samping berkongsi pengalaman dan amalan

terbaik dalam pendidikan marin.

Kem yang menghimpunkan peserta dari Sarawak, Semenanjung Malaysia, NBD dan Republik Indonesia itu turut menjadi wadah dalam membentuk generasi muda yang bertanggungjawab, berdisiplin dan berdaya tahan tinggi.

Program seumpama ini bukan sahaja memberi pendedahan kepada aspek pendidikan marin, malah membantu golongan belia mengasah kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, keyakinan diri serta semangat tanggungjawab.



KEM Pendidikan Marin Pengakap Laut Sarawak 3.0 bertujuan untuk memberi pendedahan sejarah, tradisi dan identiti Pengakap Laut sebelum mengikuti sesi Arahan Nakhoda yang menekankan aspek keselamatan di air, prosedur kecemasan serta disiplin semasa menjalankan aktiviti marin.



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
(53) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Kontrak Perkhidmatan Towing
Bagi Kenderaan BG Jabatan
Penerangan Selama
Satu (1) Tahun.

Bilangan Sebut Harga:
(55) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Ad Hoc Maintenance
Of Four (4) Fire Alarm System At
Jabatan Penerangan

Yuran:
Percuma

Tarikh Tutup:
Khamis,
2 Julai 2026
Sebelum Jam 8.00 Pagi



**JABATAN PERANCANGAN
EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN**

Bilangan Sebut Harga:
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM / 01

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Dokumen-Dokumen
Bagi Keperluan
Banci Tahunan
Perusahaan
(BTP) 2026

Tarikh Tutup:
Sabtu,
4 Julai 2026,
Jam 9.00 Pagi



Bilangan Sebut Harga:
(47) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Gambar Bagi Tempoh 1
Tahun Secara Kontrak Bagi Tahun
2026/2027

Yuran:
Dikenakan Bayaran
BND5.00
(Tidak Di Kembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis,
2 Julai 2026,
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN
MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
(Kelas I & II Sahaja)**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga
/ Tawaran:**
JMM / Q&T / JKSH / 2026 / 02
Ceramic Roof Tile Cleaning To
Bangunan Dewan Majlis
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat,
Brunei Darussalam.

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga
/ Tawaran:**
JMM / Q&T / JKSH / 2026 / 03
Upgrading Work To Existing Royal
Dais Dome At Bangunan Dewan
Majlis, Jabatan Majlis-Majlis
Mesyuarat, Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
Percuma

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
8 Julai 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
14 Julai 2026



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Tawaran Perkhidmatan Kantin
Bagi Sekolah Arab Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**Bilangan Tawaran Dan Nama
Sekolah Arab:**
KHEU / JPI / KANTIN-B / 52 / 17
Sekolah Ugama Arab Menengah
Perempuan Raja Isteri Pengiran
Anak Hajah Saleha, Katok,
Daerah Brunei Dan Muara

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
7 Safar 1448H /
22 Julai 2026M
sebelum jam 2.00 Petang



**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
AUD / BPK / UTM / Q&T /
2026-2027 / 12

To Remove Existing Projectors (3
Units), Projector Screens (3 Unit)
And Its VGA Cables, Splitters &
Switch In Multipurpose Hall, Block
B Ground Floor Bahirah Building,
Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
AUD / BPK / UTM / Q&T /
2026-2027 / 13

Menaiktaraf Peralatan Monitor
Bagi Bilik Mesyuarat Seri Damai
Tingkat 1 Blok C, Jabatan Audit
Bangunan Bahirah , Jalan Dewan
Majlis, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERANCANGAN
EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM / 02
Pembekalan Toner Printer Bagi
Keperluan Jabatan

Tarikh Tutup:
Rabu,
8 Julai 2026



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
TERMINAL / 2026-2027 / SH-05
Supply And Delivery Of Parts And
Reconfiguration Works Of Public
Announcement (PA) System At
Brunei International Airport

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Sabtu,
26 Jun 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Selasa,
7 Julai 2026

Tarikh tutup Sebut Harga:
Rabu,
8 Julai 2026
(tidak lewat jam 2.00 petang)

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu
Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 119 / 2025
Supply Replacement Engineering
Testing And Comissioning Of
Transmission Protection Relays
At Lambak Kanan Substation

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

Tender Fee:
BN30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran
Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 11 / 2026
Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan
Paip Air Dan Siling Di Unit Institusi
Mukim Dan Kampung Bangunan
Jabatan Daerah Belait

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
Selasa
14 Julai 2026





**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN**

**Pengiklanan Jawatan Kosong
Peraturan 38(A)**

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mempelawa pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam serta berkeelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan akademik berikut:

1. Jawatan:
Penolong Profesor

2. Bahagian:
II

3. Tangga Gaji:
PT2 (BND3,880 - BND4,960)
ATAU PT2A (BND4,480 - BND5,610) sebulan

4. Kekosongan Jawatan:
Empat (4)

5. Bidang:
Bahasa Arab (Linguistik Gunaan), Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pendidikan Khas, Psikologi, Syariah dan Melayu Islam Beraja (MIB)

Tarikh Tutup Iklan:
11 Julai 2026

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor **2236277**.



**Pengiklanan Jawatan Kosong
Peraturan 7(A) – Luar Negeri**

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mempelawa pemohon-pemohon luar negeri yang berkeelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan akademik berikut:

1. Jawatan:
Profesor Madya

2. Bahagian:
I

3. Tangga Gaji :
PT4 (BND6,800 - BND7,010) sebulan

4. Kekosongan Jawatan:
Satu (1)

5. Bidang:
Ahli Sunnah Wal Jamaah

Tarikh Tutup Iklan:
11 Julai 2026

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor **2236277**.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / RPK / TA / 6003
Pembelian Alat Kelengkapan Jenis SOP Alpha, Sierra Dan Juliet Bagi Kegunaan Operasi Dan Latihan Rejimen Pasukan Khas, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (RPK ABDB)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 14 Julai 2026**.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
21 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
DRG / 162 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 163 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 164 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 165 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 166 / 2026 / PHARM(TC)



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 02 / 2026-2027

Tajuk Tawaran:
General Servicing, Hydraulic System Repair And Maintenance Works For JCB 3DX Super 4wd Backhoe Loader (BG2484)

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Rabu, 8 Julai 2026
jam 2.00 Petang.



Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 167 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 168 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 169 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 170 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 171 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 172 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years



Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 173 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 174 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 175 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat
14 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Tajuk Iklan:
To Supply And Install New Stainless Steel Water Tank & Pump
Dining Hall Kompleks
Rumah Kebajikan Subok

Rujukan Iklan:
JAPEM / UPE-KRKWATERTANK / RB26

Tarikh Tutup:
Khamis,
2 Julai 2026,
jam 2.00 petang.



**UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI**

UNISSA / SB0012 / 2026 / 2027 –
Supply And Delivery Of Custom-Made Trolley For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Tarikh Tutup:
Tidak Lewat
Rabu,
8 Julai 2026,
Jam 2.00 Petang.




**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
II, III, IV, V & VI

Kategori:
E01, E02 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
7 Julai 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
21 Julai 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ME / 15 / 2026

Nama Projek:
Perkhidmatan Pemeriksaan
Teknikal Komprehensif Untuk
Sistem Elektrikal, Mekanikal &
Otomasi Bagi Genset Di Loji
Rawatan Air Bukit Barun
Peringkat 4 & 5, Daerah Tutong

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
7 Julai 2026, (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
21 Julai 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 16 /
2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Sistem
Jentera Penghawa Dingin (Chiller)
Di Bangunan Mahkamah Syariah,
Bandar Seri Begawan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
IV & V

Kategori:
KA01 Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 09 / BKTGS /
2026-T / IV

Nama Projek:
Kontrak Penggal Selama 24 Bulan
Bagi Kerja-Kerja Cerun Bagi
Tahun 2026-2028

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01 Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 10 / BKTGS /
2026-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembekalan Dan
Pengantaran Blok Konkrit Bagi
Kawasan Tanah Susur – Fasa 6

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
7 Julai 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 21 Julai 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
III & Keatas Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
7 Julai 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
21 Julai 2026
(Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 020 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Paip
Pembetung Berhampiran
Pam Stesen PB3B Di
STKRJ Kg. Mumong,
Daerah Belait

No. Projek:
2026ADKB/2106/002-003-005

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
III & Keatas Sahaja

Kategori:
K0A1

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
7 Julai 2026
(Selasa)

Tarikh Tutup:
21 Julai 2026
(Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 019 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Paip Pembetung
Di Jalan Setia Pahlawan
Dan Jalan Jaya Negara,
Kuala Belait.

No. Projek:
2026ADKB/2106/002-003-006

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan
Kantin**

DA / JKSH / 57 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]

**Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:**
Sekolah Rendah Penapar
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND36.00 Sebulan

DA / JKSH / 58 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]

**Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:**
Sekolah Rendah Panchor Murai
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND40.00 Sebulan

DA / JKSH / 59 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]

**Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:**
Sekolah Rendah Kasat
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.

Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND67.00 Sebulan

DA / JKSH / 60 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]

**Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:**
Sekolah Rendah Pengiran Anak
Puteri Besar, Sungai Kebun
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND320.00 Sebulan

DA / JKSH / 61 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]

**Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:**
Sekolah Rendah Sungai Siamas
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND99.00 Sebulan

DA / JKSH / 62 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]

**Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:**
Sekolah Rendah Tanjong

**Kindana,
Sungai Bunga
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun**

Harga Sewa Kantin:
BND30.00 Sebulan

DA / JKSH / 63 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]

**Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:**
Sekolah Menengah Sayyidina
Abu Bakar,
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND747.00 Sebulan

DA / JKSH / 64 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]

**Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:**
Sekolah Rendah Mulaut
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND225.00 Sebulan

DA / JKSH / 65 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]

**Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi:**
Sekolah Menengah
Sufri Bolkiah
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND563.00 Sebulan

DA / JKSH / 66 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]

**Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi :**
Pusat Tingkatan Enam Belait
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND518.00
Sebulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
18 Julai 2026
Jam 9.00 Pagi

Syarat Khas
Dibukakan khas bagi warga
negara dan penduduk tetap
Negara Brunei Darussalam,
pemilik syarikat / premis
syarikat hendaklah beralamat
(mengikut Sijil Perniagaan
16/17) ditempat kantin
berkenaan bertapak. Sebagai
contoh, hanya pemilik syarikat /
premis syarikat yang beralamat
di Daerah Brunei Muara yang
dapat dipertimbangkan untuk
mengendalikan kantin di
sekolah-sekolah yang bertapak
di Daerah Brunei Muara.





**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
01 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2026
The Supply, Delivery, Installation,
Setup, Configuration,
Testing And Maintenance Of
Network Infrastructure At
Bangunan Darul Huda, Pusat
Da'wah Islamiah

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
001 / KHEU / BTM / 2 / ITT / 2026
Supply, Delivery, Installation And
Testing Of Portable And
Multimedia Projectors For
Teaching And Learning And
Replacement Of Faulty Ceiling
Mounted Projectors At Religious
Education Institutions Under The
Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
22 Julai 2026,
2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Julai 2026,
2.00 Petang



**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga :**
RTB / K / 59 / 26 - 27
Supply and Installation of
Replacement Tyre for Outside
Broadcast Van Heavy Vehicles
BG9989 (OB2), BG5174 (OB3)
and BG5055 (OB4)

Bayaran Yuran:
BND5.00
(bagi satu tajuk dan tidak
dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00
(jika perlu bagi satu tajuk dan
tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
8 Julai 2026,
jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi Rancangan
Pemakanan Sekolah Dan
Program Harapan 2026**

**1. DA / JKSH / 56 / 2026 / 2027
[BPPA-JUN-2026]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Keperluan
Rancangan Pemakanan Sekolah
Bahagian Makan Bagi:
Sekolah Rendah Rataie
Daerah Temburong.
Kementerian Pendidikan.
Negara Brunei Darussalam
Kod Blok: MTR / 01
Bagi Tempoh
Tiga (3) Bulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
11 Julai 2026
(Jam 9.00 Pagi)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Kontraktor
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam
Kelas:**
III, IV & V

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DOD / 2 / 2026

Nama Projek:
Brunei Darussalam Central Bank
Building (Formerly New
Headquarters For The Autoriti
Monetari Brunei Darussalam –
Menaiktaraf Platform 30M (Turfing
Works)

Yuran Tawaran:
BND50.00



(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
V & VI

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DOD / 3 / 2026

Nama Projek:
Pembinaan Masjid Baharu
Rancangan Perumahan Negara
Kampong Lumut (Completion)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
7 Julai 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 Julai 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
III Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
7 Julai 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup:
21 Julai 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 021 / 2026

Nama Projek:
Pembekalan Dan Pemasangan
Pam-Pam Pembetungan
(Wet-Well And Dry-Well Types)
Di Stesen Pam Daerah Belait
- Kumpulan C.

No. Projek:
2026ADKB/2106/002-003-010

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tawaran No. 01
Term Contract for
One (1) year Terminal Building
Civil Works Maintenance,
Brunei International Airport -
FSOR
AME / 2026 – 2027 / SH-27
(Kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 02
To Supply 40 FT Porta Cabin
Including Labour for Relocation
Works
AME / 2026 – 2027 / SH-28
(Kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
24 Jun 2026, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
7 Julai 2026, Selasa
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
8 Julai 2026,
Rabu



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Dilanjutkan
Sehingga:**
Selasa
14 Julai 2026

Tarikh Tutup Dilanjutkan Pada:
Selasa,
28 Julai 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 022 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operas!
Dan Pemeliharaan Bekalan Air Di
Kawasan Lumut Dan
Sungai Liang,
Daerah Belait Untuk 3 Tahun.

No. Projek:
2026ADKB / 2106 / 002-002-002

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 2
/ 2026 – 2027

Tajuk Sebut Harga:
Membekalkan Plak Cenderahati
Kenangan Bagi Pesara-Pesara
Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan Serta
Jabatan-Jabatan Di Bawahnya
Pada Tahun 2025

**Tarikh Tutup Sebut Harga
Dilanjutkan Sehingga:**
Khamis,
2 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

دولت کبawah دولی توان پاتیک

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik



*Sempena Sambutan
Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam*

Ke-
80
Tabun

KIBARKANLAH BENDERA KEBANGSAAN DAN BENDERA PERIBADI

BERMULA 15 MUHARAM HINGGA
24 SAFAR 1448 BERSAMAAN
1 JULAI HINGGA 8 OGOS 2026



www.information.gov.bn
www.pelita-brunei.gov.bn | www.infofoto.gov.bn

Jabatan Penerangan
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

PRODUK KESIHATAN DICEMARI BAHAN TERLARANG

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan



PRODUK kesihatan, Zhuang Gu Bu Yau Wan yang dikilang oleh SiowTuck Medical Factory Guangdong China didapati dicemari dengan Acetaminophen dan Diclofenac (atas dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Jun. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan satu produk kesihatan, Zhuang Gu Bu Yau Wan yang dikilang oleh SiowTuck Medical Factory Guangdong China kerana didapati dicemari dengan Acetaminophen dan Diclofenac. Berdasarkan hasil laporan ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk berkenaan mengandungi bahan aktif farmaseutikal yang tidak

diisytiharkan, yang dikawal di bawah Akta Ubat Penggal 285 dan tidak dibenarkan dalam Produk Kesihatan.

Penggunaan bahan-bahan tersebut tanpa pemantauan perubatan, boleh menyebabkan kesan mudarat yang membahayakan kesihatan, terutamanya jika diambil secara berterusan.

Acetaminophen atau Paracetamol ialah ubat yang boleh digunakan untuk meredakan kesakitan dan mengurangkan demam. Walaubagaimanapun, pengambilan suplemen kesihatan yang dicemari dengan acetaminophen atau paracetamol boleh menyebabkan lebih dos, yang mengakibatkan kerosakan hati, kegagalan buah pinggang, koma dan akhirnya kematian.

Diclofenac adalah sejenis ubat penahan sakit yang apabila dimakan tanpa pengawasan boleh menyebabkan ulser peptik, pendarahan usus, loya, muntah-muntah, kabur penglihatan, edema, penyakit kuning, kegagalan buah pinggang.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan bagi penjualan produk tersebut.

Sehubungan dengan dapatan ini, produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau memakan produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta merta. Jika mereka mengalami kesan sampingan dan merasa tidak sihat selepas memakan produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai dinasihatkan agar mendapatkan nasihat daripada doktor atau pegawai farmasi sebelum mengambil sebarang produk kesihatan. Elakkan daripada membeli atau menggunakan produk dari sumber yang tidak diketahui, khususnya melalui platform dalam talian.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk meneliti setiap tuntutan produk dengan berwaspada, terutamanya produk yang mendakwa memberi kesan segera atau 'tiada kesan sampingan'.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk tersebut (termasuk penjualan secara dalam talian seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia menjadi satu kesalahan di bawah Akta Ubat, Penggal 285 untuk menjual produk berkenaan yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah Akta berkenaan tanpa lesen yang berkenaan dan denda kompaun boleh dikenakan.

Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi BND5,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan jika sekiranya mendapati produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini atau mana-mana produk lain yang diragui kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan, Jabatan

HiTUNE Group of Companies mendukung Sambutan Bulan Bahasa 2026

Siaran Akhbar dan Foto : HiTUNE Group of Companies



HiTUNE Group of Companies menyumbangkan ihsan tajaan berbentuk barangan (*in-kind*) bagi aktiviti-aktiviti sempena Sambutan Bulan Bahasa 2026 (65 Tahun DBP).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Jun. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa akan mengadakan beberapa acara dan kegiatan bagi menyemarakkan Sambutan Bulan Bahasa.

Bagi menyokong dan menjayakan kegiatan berkenaan, HiTUNE Group of Companies telah menyumbangkan ihsan tajaan berbentuk barangan (*in-kind*) bagi aktiviti-aktiviti sempena Sambutan Bulan Bahasa 2026 (65 Tahun DBP).

Sumbangan berkenaan telah disampaikan oleh Pegawai Perhubungan HiTUNE Group of Companies, Awang Haji Jailani Haji Othman kepada Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Dayang Hajah Annisa binti Haji Moksini, selaku Setiausaha Bulan Bahasa 2026 pada majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat HiTUNE Group of Companies, ibu negara.

Sambutan Bulan Bahasa berkenaan dikendalikan Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa DBP itu sebagai inisiatif dalam usaha dan peranan jabatan berkenaan bagi memartabatkan bahasa Melayu di negara ini.

Perkhidmatan Farmasi.

Kementerian Kesihatan akan terus menjalankan pemantauan secara berterusan dan keselamatan orang ramai adalah menjadi keutamaan.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui

talian telefon +673 2393301 sambungan 208; menghantar e-mel kepada pharmacy.enforcement@moh.gov.bn; berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A' atau hubungi Talian Darussalam 123.



ALAI PINTAR

SOALAN 1 JULAI 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Berapakah usia Sultan Brunei yang ke-29 pada tahun ini (2026)?
 - 75 Tahun
 - 80 Tahun
 - 60 Tahun
- Apakah nama penuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei?
 - Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien
 - Sultan Omar Ali Saifuddien III
 - Sultan Muhammad Jamalul Alam II
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan menaiki takhta pada tahun?
 - 1967
 - 1995
 - 2017

TARIKH TUTUP : 11 JULAI 2026

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 175 :

Nama : Nur Kayra Arysa @ Nur Al Humairah binti Muhd. Khairul Hisham
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 025563-13. Sekolah : Tangga Gemilang School

Nama : Mohd. Ade Asshauqi bin Mohd. Ade Yusrin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0158523-01. Sekolah : Tinkerbell Learning School

Nama : Azzahra Damia binti Haji Muhd. Hazim
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 023641-13. Sekolah : Sekolah St. Margarets Seria

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 175

- A - Temburong
- C - BND20.80
- B - Mendapat pahala



Perkasa ilmu kesempurnaan ibadah wuduk

Rencana dan Foto :
Nurdiyanah Rajami

WUDUK adalah salah satu ibadah yang termasuk dalam Fardu Ain yang mana ia wajib dipelajari dan dilaksanakan oleh setiap individu Muslim yang mukalaf. Pelaksanaannya juga menjadi satu cara yang ditetapkan syarak untuk menjadikan seorang Muslim itu suci daripada hadas kecil dan membolehkannya menunaikan ibadah yang mensyaratkan wuduk seperti sembahyang, tawaf, menyentuh mushaf dan sebagainya.

Wuduk merupakan satu ibadah yang penting sekali gus memiliki keistimewaan dalam agama Islam di mana wuduk disyariatkan setahun sebelum tahun berlakunya peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersama penyariatannya sembahyang fardu lima waktu pada malam Israk dan Mikraj. Antara fadilat wuduk ialah Allah Subhanahu Wata'ala mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri dan wuduk juga boleh menghapuskan dosa-dosa kecil.

Pensyariatan ibadah wuduk disebutkan dalam Al-Quran, firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ma'idah, ayat 6 sebagaimana tafsirnya : *"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu hendak mendirikan sembahyang (sedang kamu berhadap kecil) maka berwuduklah iaitu basuhlah muka kamu dan kedua-dua tangan kamu hingga ke siku, sapulah sebahagian daripada kepala kamu dan basuhlah kedua-dua kaki kamu hingga ke buku lali"*.

Perintah membasuh dan menyapu anggota wuduk disebut dengan jelas dalam ayat di atas. Berdasarkan ayat ini, ada anggota yang wajib dibasuh dengan air dan ada juga anggota yang wajib disapu dengan air ketika berwuduk. Anggota-anggota yang wajib dibasuh dengan air dalam berwuduk ialah muka, kedua-dua tangan hingga siku dan kedua-dua kaki hingga buku lali. Manakala anggota yang wajib disapu dengan air pula ialah sebahagian kepala.

Makna wuduk, syarat sah serta rukun

Dari sudut bahasa, wuduk bererti kebaikan dan kebersihan. Manakala dari sudut istilahnya, wuduk ialah penggunaan air yang suci pada anggota tertentu iaitu membasuh muka, dua belah tangan hingga ke siku, menyapu kepala dan membasuh kedua-dua belah kaki dimulai dengan niat.

Terdapat beberapa syarat yang menjadikan wuduk itu sah. Antaranya adalah Islam; mumaiyiz iaitu kanak-kanak yang sudah pandai membezakan antara perkara yang baik dengan yang buruk; suci daripada haid dan nifas; dan menggunakan air mutlak iaitu air yang suci lagi menyucikan.

Begitu juga menjadi syarat sah wuduk ialah tidak berubah sifat air wuduk akibat benda asing yang melekat pada anggota wuduk contohnya sabun, bedak atau apa-apa sahaja yang melekat pada anggota wuduk itu yang mengubah rasa, rupa atau bau air wuduk itu. Perlu ditekankan juga, sekiranya ada benda asing yang melekat pada tubuh, ia perlu dibersihkan terlebih dahulu sebelum berwuduk dan tidak ada benda yang menghalang air sampai kepada anggota wuduk seperti cat, getah, pengilat kuku, lilin, kapur, minyak atau daki tebal yang melekat di celah jari, di bawah kuku atau di celah rekahan pada tumit.

Oleh yang demikian, kita juga perlu mengetahui mengenai rukun wuduk. Ia bermaksud perkara-perkara asas yang wajib dilakukan ketika berwuduk. Jika tidak dibuat perkara rukun ini, maka wuduk tidak sah.

Terdapat enam perkara dalam rukun wuduk iaitu berniat dalam hati untuk melakukan wuduk; membasuh muka iaitu membasuh keseluruhan muka dari dahi hingga ke bawah dagu dan dari telinga ke telinga; membasuh tangan hingga siku iaitu membasuh kedua-dua tangan dari hujung jari hingga ke siku; menyapu sebahagian daripada depan kepala; membasuh kaki iaitu membasuh kedua-dua kaki dari hujung jari kaki hingga ke buku lali; dan tertib iaitu mengikut urutan-urutan yang telah ditetapkan semasa mengambil wuduk.

Menunaikan rukun-rukun ini adalah wajib untuk sahnya wuduk dalam Islam.

Perkasa ilmu kesempurnaan ibadah wuduk

Sebagai salah satu kesungguhan langkah bersama untuk memperbaiki dan menyempurnakan ibadah wuduk dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini yang merupakan kunci utama kepada sahnya solat, sehubungan itu Masjid Hassanah Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT) di bawah kelolaan Kumpulan Lajnah Pendidikan MHBPT dengan sokongan Kumpulan Belia 'IbadurRahman MHBPT dan Muslimah Takmir MHBPT telah berjaya mengadakan Bengkel Kesempurnaan Ibadah Fardu Ain - Wuduk di Dewan Al-Mau'izah, MHBPT, sekitar pertengahan bulan Mei lalu.

Di kesempatan itu juga Pelita Brunei turut menemu bual, Penyelia Pendidikan dan Kebudayaan Islam dan juga Pengerusi Bersama Bengkel Kesempurnaan Ibadah Fardu Ain - Wuduk, Dayang Hajah Zainun binti Haji Md. Daud antaranya menjelaskan objektif pelaksanaan bengkel berkenaan ialah memberikan penerangan tentang wuduk dan tatacara wuduk yang betul; memperbaiki dan menghalusi tatacara wuduk melalui aktiviti praktikal; dan memberi ruang dan peluang peserta bersoal jawab tentang perkara atau persoalan berkaitan dengan wuduk.

"Secara peribadi, saya berpandangan penganjuran Bengkel Kesempurnaan Ibadah Fardu Ain - Wuduk adalah sangat penting untuk diadakan walau tajuknya nampak kecil tetapi ianya sangat besar nilainya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Ini kerana jika wuduk itu tidak disempurnakan dengan betul dan tidak sempurna sudah pastinya sembahyang kita menjadi tidak sah sebagaimana hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud : *"Sempurnakanlah wuduk, dan celakalah tumit-tumit (yang tidak terkena air wuduk) dari api neraka"*.

"Hadis ini menunjukkan ketegasan

Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberi amaran keras supaya tidak mengambil mudah soal wuduk iaitu kewajiban menyempurnakannya pada keseluruhan anggota wuduk serta penekanan pada kebersihan dan ketelitian sewaktu berwuduk. Ini kerana wuduk yang tidak sempurna dan dilaksanakan sambil lewa adalah boleh menjejaskan sahnya ibadah," tekannya.

Dayang Hajah Zainun turut menambah, pastinya pelaksanaan bengkel berkenaan dihasrat menjadi salah satu mekanisme bagi pihak masjid untuk menyampaikan bahawa wuduk itu adalah penting sebagai syarat sah ibadah seseorang Muslim. Di samping itu, ia juga diharap agar dapat memberikan pendedahan yang lebih jelas kepada para peserta tidak kira usia untuk memahami dan mengamalkan serta menyempurnakan wuduk dengan betul mengikut syariat serta menghidupkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengelakkan daripada melakukan kesalahan yang boleh menjejaskan ibadah serta mengambil mudah mengenainya.

Usaha penganjuran bengkel sebegini uajarnya juga dapat mewujudkan masyarakat semakin yakin sehingga saling menasihati antara satu sama lain melalui ilmu Fardu Ain seperti ibadah wuduk yang dipelajari ini, selain dapat berkongsi ilmu yang diperolehi menerusi bengkel kepada ahli keluarga khususnya serta masyarakat amnya.

"Semoga dengan bengkel ini menjadi asbab melahirkan masyarakat yang menjaga kesucian, memperelokkan ibadah dan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala," uajarnya.

Seramai 60 orang yang berdaftar telah menyertai bengkel berkenaan yang dibukakan kepada semua lapisan peringkat usia daripada golongan kanak-kanak sehingga warga emas. Bengkel berkenaan telah disampaikan oleh Penolong Profesor, Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, selaku fasilitator bengkel.

PENDEDAHAN ANTARABANGSA PERKUKUH BAKAT KESELAMATAN SIBER NBD

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Cybersecurity Association**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Jun. – Persatuan Keselamatan Siber Brunei (Brunei Cybersecurity Association – BCSA), dengan kerjasama Persatuan Keselamatan Rangkaian Indonesia (Indonesia Network Security Association – IdNSA) serta disokong oleh Cyber Security Brunei (CSB), secara rasmi menghantar delegasinya bagi menyertai Program Overseas Learning Journey (OLJ) BCSA 2026 Edisi Ketiga di Republik Indonesia yang berlangsung dari 28 Jun hingga 3 Julai 2026.

Program Overseas Learning Journey merupakan salah satu program utama BCSA di bawah inisiatif ASEAN-Japan Cybersecurity Community Alliance (AJCCA) yang bertujuan menggalakkan kerjasama serantau, memperkukuh pembangunan kapasiti keselamatan siber serta mengeratkan kerjasama antara organisasi keselamatan siber, institusi akademik, agensi kerajaan dan rakan industri di seluruh ASEAN dan Jepun.

Pada tahun lalu, edisi kedua program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama RAWSEC, melibatkan lawatan pembelajaran ke Malaysia. Program tahunan itu turut diadakan dengan kerjasama Association of Information Security

Professionals (AiSP), yang memberi peluang kepada para peserta mengikuti lawatan pembelajaran ke Republik Singapura.

Berlandaskan kejayaan penganjuran sebelum ini, program pada tahun ini meneruskan komitmen BCSA dalam menyediakan peluang pembelajaran bertaraf antarabangsa, mengukuhkan kerjasama serantau serta membangunkan generasi baharu bakat keselamatan siber di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Delegasi tahun ini terdiri daripada 11 Ahli Pelajar BCSA, merangkumi lapan pelajar, seorang perantis dan dua Ahli Jawatankuasa Eksekutif BCSA.

Delegasi tersebut terdiri daripada dua pelajar dari Universiti Brunei Darussalam (UBD); empat pelajar dari Universiti Teknologi Brunei (UTB); dua pelajar dari Laksamana College of Business (LCB); dan seorang peserta daripada DMOS Technologies.

Delegasi berkenaan diketuai oleh Dayang Saedah binti Hasnal dan Dayang Nur Hafizah binti Matsuni, selaku Ahli Jawatankuasa Eksekutif BCSA, yang akan mengiringi serta menyelaras perjalanan delegasi sepanjang program di Republik Indonesia.

Sepanjang program selama enam hari itu, para peserta akan mengadakan lawatan ke pelbagai agensi kerajaan, organisasi keselamatan siber, rakan industri serta institusi pengajian tinggi di Jakarta dan Bandung, Republik Indonesia.

Program berkenaan dirancang dengan teliti bagi memberikan pendedahan secara langsung kepada para peserta mengenai tadbir urus keselamatan siber, transformasi digital, amalan terbaik industri, pembangunan bakat serta kerjasama antarabangsa.

Para peserta juga berpeluang mengadakan sesi perbincangan bersama pengamal keselamatan siber, ahli akademik dan wakil kerajaan bagi memperluaskan perspektif serta membina rangkaian profesional dalam komuniti keselamatan siber ASEAN.

Majlis pelepasan delegasi telah diadakan pada Ahad, 28 Jun 2026, di Balai Pelepasan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, yang dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif BCSA serta ahli keluarga bagi menyempurnakan pelepasan rasmi delegasi sebelum berlepas ke Republik Indonesia.

BCSA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada CSB atas sokongan berterusan terhadap program ini, IdNSA

kerana menjadi tuan rumah serta menyelaras lawatan di Republik Indonesia, dan EVYD Technology atas tajaan bagi Program Overseas Learning Journey pada tahun ini.

Persatuan itu turut merakamkan penghargaan kepada Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Laksamana College of Business (LCB) dan DMOS Technologies atas sokongan mereka dalam membolehkan para pelajar dan perantis menyertai inisiatif pembelajaran serantau tersebut.

Sebagai program pembangunan kapasiti antarabangsa utama BCSA, Overseas Learning Journey terus memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kerjasama serantau di samping melengkapkan para pelajar dan golongan profesional muda tempatan dengan pengetahuan praktikal, pendedahan antarabangsa serta rangkaian profesional yang bernilai, sekali gus menyumbang kepada pembangunan ekosistem keselamatan siber yang lebih berdaya tahan di NBD.

Sertai Kaji Selidik Keberkesanan Kuliah Ugama

■ **Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Hal Ehwal Masjid**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Jun. - Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sukacita menjemput orang ramai khususnya jemaah masjid untuk menyertai Kaji Selidik Keberkesanan Kuliah Ugama di Masjid-masjid Seluruh Negara.

Kaji selidik tersebut dilaksanakan oleh Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, bertujuan untuk menilai sejauh mana keberkesanan pelaksanaan kuliah ugama yang diadakan selepas Sembahyang Fardu Maghrib atau pada waktu-waktu yang bersesuaian di masjid-masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Penilaian berkenaan merangkumi beberapa aspek, termasuk penerimaan jemaah, keberkesanan penyampaian, kesesuaian kandungan, waktu pelaksanaan serta impak kuliah terhadap pengalaman ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

Orang ramai boleh menyertai kaji selidik ini dengan melayari pautan berikut: <https://forms.cloud.microsoft/r/JyYtrpbXf> atau dengan mengimbas kod QR yang tertera pada poster yang diedarkan serta melalui laman sesawang rasmi KHEU di www.mora.gov.bn.

Kaji selidik dibuka mulai 15 Muharam 1448 Hijrah hingga 18 Rabiulawal 1448H bersamaan dengan 1 Julai 2026 Masihi hingga 31 Ogos 2026M.

Tempoh masa yang diambil untuk melengkapkan kaji selidik ini adalah dianggarkan sekitar 10 minit.

Semua maklumat dan maklum balas yang diberikan akan dirahsiakan sepenuhnya serta tidak akan mendedahkan identiti responden. Data yang diperoleh hanya akan digunakan bagi tujuan penilaian dan penambahbaikan pelaksanaan kuliah ugama di masjid-masjid seluruh negara.

Kerjasama dan sokongan orang ramai dalam menjayakan kaji selidik ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.



SESI bergambar ramai delegasi bagi menyertai Program Overseas Learning Journey (OLJ) BCSA 2026 Edisi Ketiga di Republik Indonesia yang berlangsung dari 28 Jun hingga 3 Julai 2026.

JIPK terus giat melaksanakan Operasi Kakas



OPERASI Kakas Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan 2026 dilaksanakan bagi membendung pesalah-pesalah imigresen di Negara Brunei Darussalam.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

BELAIT, Selasa, 30 Jun. - Operasi Kakas Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan 2026 terus giat dilaksanakan oleh Penguatkuasa Undang-Undang Cawangan Kuala Belait bagi membendung pesalah-pesalah imigresen di Negara Brunei Darussalam.

Dua operasi penguat kuasa

undang-undang telah dilaksanakan yang mana menasaskan kepada kawasan persekitaran di Mukim Belait dan Mukim Liang.

Operasi Kakas 66/2026 menasaskan di kawasan persekitaran di Mukim Belait. Hasil operasi menyasarkan seramai dua warga asing diperiksa yang mana

seorang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Warga asing berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport. Sementara itu, Operasi Kakas 67/2026 menasaskan di kawasan persekitaran di Mukim Liang.

Hasil operasi tersebut menyasarkan seramai tujuh warga asing diperiksa di mana seorang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Bagi sebarang maklumat kesalahan di bawah JIPK, sila hubungi talian Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



JIS ADAKAN PENTAS MUZIKAL DISNEY 'MOANA JR.'

TUNGKU LINK, Isnin, 29 Jun. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) mengadakan tiga persembahan Disney 'Moana Jr.' di Pusat Seni JIS selama dua hari, 28 dan 29 Jun 2026.

Moana Jr. ialah adaptasi muzikal selama 60 minit bagi filem animasi Disney 2016, menghidupkan kisah pengembaraan Moana dan kampungnya di Motunui di atas pentas.

'Moana Jr.' menampilkan semua lagu kegemaran daripada filem itu, termasuk 'How Far I'll Go', 'Know The Way', 'Shiny' dan 'You're Welcome'.

Kisah yang menimbulkan sensasi yang mendebarkan dan mengharukan berikutan kemahuan nekad Moana ketika dia belay merentasi Pasifik untuk menyelamatkan kampungnya dan menemui kebenaran tentang warisannya.

Moana dan Maui memulakan perjalanan epik penemuan diri dan persahabatan sambil kedua-duanya belajar memanfaatkan kuasa yang ada di dalamnya.

Produksi tersebut menampilkan lebih 130 pelajar Sekolah Rendah dari Tahun 3 hingga 6 membuat

persembahan di atas pentas.

Pelajar dan kakitangan tambahan bekerja keras di belakang tabir dalam pembinaan set dan lukisan, pembinaan prop, pembuatan pakaian, koreografi, operasi teknikal dan dandanan rambut dan solekan.

Salah satu rancangan pada Ahad termasuk Jurubahasa Bahasa Isyarat Amerika (ASL), menjadikan rancangan itu boleh diakses oleh ahli komuniti pekak dan kurang pendengaran.

Inisiatif ini mencerminkan dedikasi sekolah untuk memastikan semua orang dapat menikmati seni dalam persekitaran yang mesra.

Pengarah, Georgina Rodgers mengulas: "Adalah satu keistimewaan yang luar biasa untuk menghidupkan 'Moana Jr.' bersama kumpulan pelajar dan kakitangan yang berbakat dan berdedikasi."

"Dari latihan pertama, pelakon kami menerima setiap cabaran dengan penuh semangat, ketabahan dan kerja berpasukan. Melihat mereka bertambah yakin, menyokong satu sama lain dan membawa cerita ini ke pentas benar-benar memberi inspirasi."

"Kami amat berbangga dengan apa yang telah kami capai bersama dan berterima kasih kepada semua

mereka yang membantu menjadikan produksi ini sebagai perjalanan yang tidak dapat dilupakan. Kami harap awda menikmati pengembaraan itu sama seperti kami menikmati menciptanya".

Pengetua Sekolah Rendah, Paul Bannister berkata: "Setiap tahun, Muzikal Sekolah Rendah kami menyerlahkan kreativiti, keyakinan dan bakat pelajar kami dan 'Moana Jr.' tidak terkecuali. Produksi ini menghidupkan kisah inspirasi tentang keberanian, daya tahan dan penemuan diri, sambil mempamerkan dedikasi dan kerja berpasukan semua orang yang terlibat."

"Tahniah kepada pelakon, krew, kakitangan dan keluarga yang membantu menjadikan 'Moana Jr.' sebagai kejayaan yang tidak dapat dilupakan".

'Moana Jr.' Disney disokong oleh NBT (Brunei) Sdn. Bhd., D'Sunlit,

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong



MOANA Jr. ialah adaptasi muzikal selama 60 minit bagi filem animasi Disney 2016, menghidupkan kisah pengembaraan Moana dan kampungnya di Motunui di atas pentas.

Borneo United, HSE Engineering, Standard Chartered Bank Brunei dan Ezy Printing.

Produksi ini dipersembahkan

melalui susunan khas dengan, dan semua bahan persembahan yang dibenarkan dibekalkan oleh, Music Theatre International (MTI).

Penyertaan Musabaqah Menghafaz Al-Quran kini dibuka

Siaran Akhbar dan Infografik : Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Jun. - Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) selaku Urus Setia Musabaqah akan mengadakan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Kebangsaan Tahun 1448 Hijrah, bermula pada bulan September 2026 yang dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap sahaja.

Pemohonan boleh dihadapkan secara dalam talian sahaja melalui pautan <https://tinyurl.com/mhq1448> dan media sosial Urus Setia di Telegram PPPQ.MABIMS (official), Weblog pppq-mabims.blogspot.com, Facebook [pppq.mabims](https://www.facebook.com/pppq.mabims) (official) dan Instagram [pppq.mabims](https://www.instagram.com/pppq.mabims) (official).

Pemohonan dibuka mulai Rabu, 15 Muharam 1448 Hijrah bersamaan 1 Julai 2026 Masihi. Tarikh tutup permohonan ialah pada Jumaat, 16 Safar 1448H bersamaan 31 Julai 2026M.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS menerusi talian +673 2237512 / +673 2233364 atau melalui khidmat pesanan ringkas aplikasi WhatsApp menerusi talian +673 7204964.



MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QURAN BERSERTA PEMAHAMANNYA

PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1448 HIJRAH

KATEGORI A Menghafaz 1 Juz (Juz 30)

KATEGORI B Menghafaz Surah-surah Pilihan

KATEGORI C Menghafaz 4 Juz (Juz 1 hingga 4)

KATEGORI D Menghafaz 15 Juz (Juz 1 hingga 15)

KATEGORI E Menghafaz 30 Juz

RISALAH & BORANG PENDAFTARAN

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN
31 JULAI 2026

IKUTI MEDIA SOSIAL KAMI @pppq.mabims +673 7204964



Selera KAMPUNG Kitani

Nasi Goreng Ikan Masin

RPN Kampung Lumut

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BAHAN-BAHANNYA :

Nasi putih
Ikan masin (dipotong dadu)
2 biji telur
2 biji bawang merah
3 ulas bawang putih
5 biji cili padi
Ikan bilis secukupnya

Sayur pilihan
Kicap manis
Garam secukup rasa

CARA-CARA MEMASAKNYA :

Mula-mula tumbuk bawang, cili dan ikan bilis. Kemudian goreng ikan masin yang sudah di potong dadu sehingga sedikit

kering. Setelah itu, masukkan bahan yang telah ditumbuk dan tumis sehingga naik bau. Masukkan telur dan kicap manis lalu kacau. Kemudian, masukkan nasi dan sayur pilihan. Gaul sehingga semuanya rata dan perasakan dengan garam.

DEWAN PERWAKILAN AS LULUS PAKEJ KESELAMATAN DALAM TALIAN KANAK-KANAK



WASHINGTON, 30 Jun. - Dewan Perwakilan Amerika Syarikat (AS) meluluskan satu pakej dwipartian yang menyeluruh mengenai keselamatan kanak-kanak dalam talian pada Isnin, sekali gus menandakan kali pertama Dewan Perwakilan membahaskan isu keselamatan kanak-kanak dalam talian.

Akta Keselamatan Dalam Talian Kanak-kanak diluluskan menerusi undian 267 menyokong berbanding 117 menolak dan kini akan dibawa ke Senat, yang dijangka menjadi halangan besar kepada kelulusannya, lapor Anadolu Ajansi (AA). Undang-undang itu akan menetapkan piawaian minimum di

peringkat persekutuan bagi keselamatan kanak-kanak dalam talian, di samping membenarkan negeri-negeri menggubal perlindungan yang lebih ketat. Ia turut mewajibkan chatbot kecerdasan buatan (AI) memaklumkan bahawa ia bukan manusia, menghadkan penggunaan mesej yang hilang

secara automatik oleh kanak-kanak bawah umur serta mewajibkan pengesahan umur bagi pengguna yang mengakses kandungan pornografi, selain

beberapa peruntukan lain. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 12 maut akibat hujan lebat di Ivory Coast

ABIDJAN (Ivory Coast), 30 Jun. - Sekurang-kurangnya 12 orang maut manakala lima yang lain cedera selepas hujan lebat melanda Abidjan, Ivory Coast, menurut pihak berkuasa tempatan pada Isnin, lapor Xinhua. Hujan lebat yang bermula pada Ahad mencetuskan tanah runtuh dan banjir di beberapa komun di bandar terbesar negara itu. Menurut penilaian awal Kumpulan Bomba Tentera, seramai

12 mangsa ditemukan maut tertimbus di bawah runtuh rumah mereka di kawasan kejiranan Mossikro yang terletak di antara komun Yopougon dan Attécoubé. Lima mangsa yang cedera dibawa ke kemudahan perubatan untuk menerima rawatan. Pasukan penyelamat meneruskan pencarian pada Isnin untuk mengesan sekiranya terdapat mangsa lain.

Sehingga tengah hari Isnin, beberapa kawasan kejiranan di bandar itu masih ditenggelami banjir sebahagiannya, manakala jalan-jalan utama tidak dapat dilalui akibat paras air yang semakin meningkat. Komun Cocody, Yopougon, Abobo, Treichville, Marcory dan Bingerville merupakan antara kawasan yang paling terjejas, menurut pegawai penyelamat dan keselamatan. - ©BERNAMA

Hungary arah penjawat awam bekerja dari rumah susulan cuaca panas melampau

BUDAPEST, 29 Jun. - Hungary mengarahkan penjawat awam bekerja dari rumah mulai Isnin susulan cuaca panas melampau yang melanda negara itu, sekali gus memaksa kerajaan melaksanakan beberapa langkah kecemasan termasuk sekatan penggunaan air, had kelajuan kereta api dan nasihat kesihatan, lapor Xinhua. Perdana Menteri Peter Magyar berkata semua institusi sektor awam akan melaksanakan kaedah bekerja dari rumah jika keadaan operasi mengizinkan, selain menggesa majikan sektor swasta mengambil pendekatan sama. Pihak berkuasa turut menasihati orang ramai supaya menangguhkan aktiviti di luar bangunan ketika suhu berada pada paras tertinggi bagi mengurangkan risiko kesihatan. Hungary kini berada di bawah amaran haba tahap tiga, iaitu

amaran tertinggi negara itu, dengan suhu dijangka mencecah antara 35 hingga 40 darjah Celsius di kebanyakan kawasan dalam tempoh beberapa hari akan datang. Menurut perkhidmatan meteorologi HungaroMet, rekod suhu maksimum harian bagi 27 Jun dipecahkan pada Sabtu apabila suhu mencecah 40.0 darjah Celsius di Budakalasz dan 39.8 darjah Celsius di Budapest. Cuaca panas yang berpanjangan mula menjejaskan perkhidmatan awam dan infrastruktur. Had kelajuan masih dikuatkuasakan di 25 laluan kereta api berikutan suhu tinggi, manakala paip bekalan air yang pecah menyebabkan gangguan sementara kepada ratusan pengguna di Balatonfured dan bandar Gyor di barat negara itu. Beberapa pihak berkuasa

tempatan turut mengenakan sekatan sementara terhadap penggunaan air bukan keperluan susulan peningkatan kadar penggunaan. Penduduk di kawasan terjejas diminta tidak menyiram taman, mengisi kolam renang, mencuci kenderaan atau menggunakan air bagi tujuan lain yang tidak penting pada waktu siang. Setakat petang Ahad, pihak berkuasa melaporkan hanya tiga kes berkaitan haba yang memerlukan rawatan perubatan di seluruh negara, tanpa sebarang insiden besar melibatkan keselamatan awam. Hungary merupakan antara beberapa negara di Eropah Tengah yang sedang berdepan cuaca panas melampau termasuk Jerman, Poland dan Republik Czech yang turut merekodkan suhu luar biasa sepanjang hujung minggu. - ©BERNAMA

Africa CDC, WHO lancar platform bersama perkukuh tindak balas Ebola

KIGALI (Rwanda), 29 Jun. - Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Afrika (Africa CDC) melancarkan sebuah platform baharu pada Ahad bagi memperkukuh keupayaan benua itu menghadapi kecemasan kesihatan susulan penularan wabak Ebola yang berterusan, lapor Anadolu Ajansi. Platform dikenali sebagai "Joint Continental Incident Management Support Team" (IMST) itu diwujudkan dengan kerjasama antara Pejabat Serantau Afrika Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan kerajaan Uganda, menurut satu kenyataan. Africa CDC berkata platform itu menyediakan rangka kerja operasi bersepadu bagi memperkukuh keupayaan negara-negara Afrika membuat persediaan, menyelaraskan dan bertindak balas terhadap

kecemasan kesihatan awam, di samping menyokong usaha menangani wabak Ebola. Republik Demokratik Congo merekodkan 1,155 kes Ebola yang disahkan termasuk lebih 300 kematian, manakala Uganda melaporkan 20 kes disahkan dengan dua kematian. Platform baharu berpangkalan di Universiti Makerere, Uganda itu akan menyokong Congo, Uganda serta negara jiran yang berisiko melalui bantuan teknikal bersepadu, penyelarasan operasi dan kepakaran pelbagai disiplin. Pegawai Africa CDC, Tolbert Nyenswah berkata platform peringkat benua itu mencerminkan komitmen Afrika untuk memperkukuh institusi, mempertingkatkan penyelarasan tindakan dan memperkasa tindak balas kecemasan yang diterajui negara. Beliau turut menegaskan

komitmen Africa CDC untuk terus membantu negara-negara Afrika menerusi kepakaran teknikal, kerjasama serantau dan perkongsian strategik bagi melindungi komuniti serta memperkukuh keselamatan kesihatan benua itu. Africa CDC berkata platform itu turut memperkukuh tahap kesiapsiagaan serantau dan kerjasama rentas sempadan sebagai teras utama keselamatan kesihatan Afrika. Sementara itu, pegawai Pejabat Serantau WHO untuk Afrika Marie-Roseline Belizaire, berkata sokongan teknikal yang diselenggarakan serta perkongsian kepakaran akan memperkukuh kepimpinan negara, meningkatkan kerjasama rentas sempadan dan membantu negara bertindak balas dengan lebih berkesan terhadap kecemasan kesihatan awam. - ©BERNAMA

Insiden tembakan di Stade, Jerman ragut 6 nyawa

BERLIN, 30 Jun. - Insiden tembakan di bandar Stade, utara Jerman pada Isnin meragut enam nyawa, dengan tiga suspek berjaya ditahan polis, lapor Xinhua memetik laporan media Jerman. Menurut pihak berkuasa Jerman, kejadian itu berlaku di sebuah institusi kebajikan belia di pusat bandar Stade, negeri Lower Saxony.

Setakat ini, pihak berkuasa mengesahkan enam individu yang kesemuanya merupakan kakitangan institusi berkenaan maut, dengan lima meninggal dunia di lokasi kejadian manakala mangsa keenam meninggal dunia di hospital.

Tiga suspek yang ditahan polis, termasuk seorang lelaki yang melepaskan tembakan dan dua wanita. Menurut saluran berita Jerman FOCUS yang memetik polis, pertikaian hak penjagaan membabitkan seorang anak damit berusia tiga bulan berkemungkinan menjadi punca jenayah itu.

Suspek lelaki itu ialah bapa kepada anak damit berkenaan dan dilahirkan di Jerman dalam keluarga berketurunan Turkiye.

Pada sidang media Isnin malam, pihak berkuasa memaklumkan bahawa wanita yang cuba melarikan diri bersama suspek dengan menaiki sebuah kereta mempunyai hubungan rapat dengan keluarga suspek. Polis turut mengesahkan bahawa ibu anak damit itu ialah wanita kedua yang ditahan.

Pihak berkuasa Jerman menyatakan tiada bukti menunjukkan jenayah itu bermotifkan politik atau ekonomi. Siasatan masih dijalankan dan polis belum mengenal pasti motif sebenar. - ©BERNAMA

Wabak hantavirus hampir berakhir - Ketua WHO

GENEVA, 29 Jun. - Wabak hantavirus kini menghampiri penghujungnya selepas tiada kes baharu dilaporkan dalam kalangan individu yang dikenal pasti sebagai kontak rapat, kata Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Tedros Adhanom Ghebreyesus pada Ahad, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Menerusi hantaran di platform X, Tedros berkata semua kontak rapat kepada dua kes yang dikenal pasti di Afrika Selatan telah melengkapkan tempoh pemantauan tanpa sebarang kes tambahan dikesan.

Beliau berkata tempoh kuarantin dan pemantauan turut selesai bagi semua individu di Sepanyol dan Belanda, termasuk kru kapal persiaran MV Hondius.

"Sehingga 25 Jun, seramai 30 kontak masih berada di bawah pemantauan.

"Jumlah keseluruhan kes kekal 13, termasuk tiga kematian. Keadaan kekal stabil dan wabak ini kini hampir berakhir," katanya.

Tedros turut merakamkan penghargaan kepada semua negara yang terlibat dalam bekerjasama membendung penularan wabak itu.

Wabak membabitkan varian Andes dari Amerika Selatan itu mencetuskan kebimbangan global selepas dikesan di atas kapal persiaran kecil Hondius, yang membawa kira-kira 150 penumpang dan anak kapal dari 23 negara. - ©BERNAMA

13 cedera dalam kejadian gempa bumi 5.5 skala Richter di Sichuan

CHENGDU (China), 29 Jun. - Seramai 13 orang cedera ringan setakat 3.30 pagi Isnin selepas gempa bumi berukuran 5.5 pada skala Richter melanda Daerah Gaoxian di Bandar Yibin, Wilayah Sichuan, barat daya China, lapor Xinhua memetik pihak berkuasa tempatan.

Kesemua mangsa yang cedera telah dihantar ke hospital untuk menerima rawatan, manakala 196 penduduk lagi dipindahkan ke lokasi selamat.

Menurut ibu pejabat operasi bantuan gempa bumi Yibin, usaha bantuan dan pemulihan sedang dijalankan secara teratur.

Gempa bumi itu berlaku pada 12.12 tengah malam Isnin waktu Beijing.

Menurut Pusat Rangkaian Gempa Bumi China, pusat gempa dikesan pada kedudukan 28.50 darjah utara dan 104.69 darjah timur, dengan kedalaman enam kilometer.

Pentadbiran Gempa Bumi China turut mengaktifkan respons kecemasan Tahap III susulan kejadian itu. - ©BERNAMA



PASUKAN JUANG BERJAYA MERAIH GANGSA



PASUKAN Juang yang mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) berjaya melakar pencapaian membanggakan apabila meraih tempat ketiga dalam Peringkat Akhir Acara Open Master 40 Tahun Ke Atas pada Perlumbaan Perahu Naga Melaka 2026 (kiri), manakala gambar atas, antara pasukan yang menyertai pertandingan berkenaan.

Berita dan Foto : Ihsan Pasukan Juang

MELAKA, MALAYSIA, Isnin, 29 Jun. - Pasukan Juang yang mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) berjaya melakar pencapaian membanggakan apabila meraih tempat ketiga dalam Peringkat Akhir Acara Open Master 40 Tahun Ke Atas pada Perlumbaan Perahu Naga Melaka 2026.

Pesta Perahu Naga Antarabangsa Melaka Ke-41 yang berlangsung pada 27 dan 28 Jun 2026 itu menghimpunkan lebih

daripada 100 pasukan daripada pelbagai negara untuk bersaing dalam pelbagai kategori di sepanjang hujung minggu itu.

Acara berprestij ini menampilkan maraton ketahanan sejauh 8 kilometer (km) dan Perlumbaan Pecut 200m merentasi Kategori Terbuka, Wanita, Campuran, Veteran dan Korporat.

Acara bulan Jun ini merupakan sebahagian daripada pameran budaya sebulan penuh yang

diadakan bersempena Festival Kebudayaan Cina Malaysia ke-41.

Perlumbaan diadakan di Sungai Melaka, bermula di jeti berhampiran Quayside dan melalui kawasan Zon Warisan Dunia UNESCO.

Kontinjen NBD dibarisi oleh 16 orang peyayuh berdedikasi serta diiringi oleh barisan jurulatih dan pengurus pasukan yang memberikan sokongan padu sepanjang kejohanan.

Bagi Pasukan Juang, NBD, kejayaan meraih pingat gangsa ini

disifatkan sebagai satu pengalaman manis yang amat berharga. Ia sekali gus menjadi pembakar semangat untuk pasukan terus aktif dan bermotivasi dalam arena sukan air kompetitif pada masa akan datang.

Di samping mempamerkan mutu sukan yang tinggi, penyertaan ini juga berjaya memperkukuh hubungan serantau antara NBD dan negara-negara lain melalui

medium sukan dan budaya.

Platform seumpama ini memainkan peranan penting dalam memupuk semangat kesukanan yang tinggi serta memperluas jaringan kerjasama erat antara negara jiran.

Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Presiden Melaka Dragon Boat Association di lokasi tontonan terbaik berhampiran Casa del Rio Melaka dan Jeti Quayside.

Maghribi mara ke pusingan 16 Piala Dunia, tewaskan Belanda menerusi penentuan penalti

MONTERREY (Mexico), 30 Jun. - Maghribi mara ke pusingan 16 terbaik Piala Dunia selepas menewaskan Belanda 3-2 menerusi penentuan sepakan penalti dalam perlawanan dramatik pada Isnin, selepas kedua-dua pasukan terikat 1-1, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Ismael Saibari menyempurnakan sepakan penalti terakhir apabila menyepak bola ke penjuru kiri gawang, sementara penjaga gol Belanda, Bart Verbruggen, melompat ke arah yang salah.

Maghribi akan berdepan tuan rumah bersama Kanada, pada Sabtu ini di Houston bagi merebut tempat ke suku akhir.

Cody Gakpo menjanginkan gol pembukaan yang penuh bermakna buat Belanda hanya beberapa hari selepas beliau dan pasangannya, Noa van der Bij, mengumumkan kehilangan anak damit yang masih dalam kandungan.

Walaupun berdepan detik sukar dalam kehidupan peribadinya, Gakpo memilih untuk terus bersama pasukan dalam kejohanan itu dan memecah kebuntuan pada minit ke-72.

Wout Weghorst menanduk hantaran jauh daripada penjaga gol ke arah Crysencio Summerville. Summerville kemudian melakukan larian, terjatuh ketika diasak antara dua pertahanan, namun masih berjaya melorongkan bola kepada Gakpo yang merembat masuk ke gawang.

Jaringan itu seolah-olah sudah memadai untuk membawa Belanda ke pusingan 16 terbaik, namun Maghribi bangkit menyamakan kedudukan pada minit pertama masa kecederaan.

Kapten Belanda, Virgil van Dijk, hanya mampu melihat Issa Diop menanduk masuk hantaran lintang Chemsdine Talbi dari sebelah kiri. - ©BERNAMA

FIFA : Tiada perubahan peraturan lambungan syiling bagi penentuan penalti Piala Dunia

NEW YORK, 30 Jun. - Peraturan lambungan syiling sebelum penentuan sepakan penalti tidak diubah pada saat akhir bagi saingan Piala Dunia, menurut FIFA pada Isnin, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Badan induk bola sepak dunia itu sebelum ini mengemukakan cadangan kepada badan pembuat peraturan, Lembaga Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (IFAB), supaya hanya satu lambungan syiling dilakukan sebelum penentuan penalti, berbanding dua ketika ini.

Pada masa ini, satu lambungan syiling memberi kuasa kepada pemenangnya untuk memilih pasukan mana yang memulakan penentuan penalti, manakala satu lagi lambungan syiling menentukan bahagian padang yang digunakan bagi sepakan penalti.

FIFA mahu hanya satu lambungan syiling diadakan, dengan pemenangnya menentukan satu daripada dua pilihan berkenaan. Pasukan yang kalah pula akan memilih pilihan yang satu lagi. Bagaimanapun, sebarang perubahan tidak akan dibuat ketika kejohanan sedang berlangsung, menurut FIFA. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA MENGAMBIL BERAT TERHADAP PERGAULAN, TINGKAH LAKU DAN AKTIVITI ANAK-ANAK